ڤليتا بروني
Pelita BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

**"NEGARA sangat memerlukan disiplin-disiplin yang bermanfaat untuk pembangunan modal insan. Adalah tidak memadai, kita belajar hanya untuk ilmu, tetapi ilmu mesti dipelajari untuk jadi pelengkap".**
**- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ketujuh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Tahun 1439H / 2017M.**

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

**"MAKAN dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf, ayat 31.**

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 50 | 26 APRIL 2021 / 1442 رمضان 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

***"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# MAJUKAN PEMBINAAN KOMUNITI ASEAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN, yang berlangsung di Bali Room, Bangunan Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**JAKARTA**, Sabtu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Bali Room, Bangunan Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia, hari ini.

**>> Muka 2**

# COVID-19 : Tidak ada kes baharu

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
**Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan setakat 12.00 tengah hari, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini menjadi 223 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyatakan sebanyak lapan kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Ini bermakna, jumlah kes yang sembuh setakat ini adalah sebanyak 212 orang.

Dengan pengesanan kes terbaharu ini, sebanyak 82 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan, pada 6 Mei 2020. Pada ketika ini, NBD mencatatkan 354 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 580 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini, setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 17,191 orang menamatkan pengasingan diri mandatori, di kemudahan-kemudahan berkenaan.

**>> Muka 6**

# Rukyah anak bulan Syawal, 12 Mei

**Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 April. - Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Syawal 1442 Hijrah) pada petang Rabu, 29 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 12 Mei 2021 Masihi di tempat-tempat berikut.

Lokasi-lokasi yang ditetapkan ialah Menara DST, Bangunan Ibu pejabat DST, Lebuh raya Tungku bagi Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Tanjung Batu, Kampung Sabun, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut, Daerah Belait; dan Bukit Amboq, Daerah Tutong.

Berikutan dengan itu, pengumuman 1 Syawal bagi Tahun 1442 Hijrah bersamaan 2021 Masihi akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik sahaja merukyah pada petang 29 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 12 Mei 2021 Masihi itu diperoleh oleh pihak berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diminta untuk memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**MEMPERINGATI Hari ANZAC**
**Muka 7**




**HARI 'EMS-Zing'**
**Muka 19**

**STATISTIK COVID-19**
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 25 APRIL 2021, 12.00 tengah hari

| | |
|---|---|
| **223** Jumlah kes jangkitan | **119,875** Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020) |
| **3** Jumlah kematian | **17,191** Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
| **212** Jumlah kes yang sembuh | **8** Kes aktif |

Ministry of Health Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn* Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004 Layari Laman Web : *www.pelitabrunei.gov.bn*

# Majukan pembinaan Komuniti ASEAN

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**>> Muka 1**

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Bangunan Sekretariat ASEAN dijunjung oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Semasa Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN ini berlangsung, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah, di mana ini adalah waktu yang penting bagi ASEAN untuk memajukan pembinaan Komuniti ASEAN, membaik pulih keadaan daripada pandemik COVID-19 serta menangani perkembangan serantau.

Baginda seterusnya menzahirkan penghargaan atas sokongan negara-negara anggota ASEAN kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun ini, di bawah tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Selain itu, Kebawah DYMM juga menzahirkan sokongan bagi penyediaan vaksin kepada penduduk-penduduk ASEAN melalui dana daripada COVID-19 ASEAN Response Fund. Dalam menghadapi ketidaktentuan masa hadapan, baginda seterusnya menekankan kepentingan bagi ASEAN untuk mengukuhkan kesepaduan dan *centrality* melalui usaha-usaha yang memfokuskan kepada rakyat dengan mengutamakan golongan belia bagi memupuk rasa kebersamaan terhadap Komuniti ASEAN.

Mengenai hal ehwal luar, baginda bertitah, ASEAN perlu meneruskan untuk mengambil pendekatan proaktif dan juga dapat dilihat sebagai peneraju proses, termasuk mengadakan Mesyuarat-Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat.



**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Sekretariat ASEAN dijunjung oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi. Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

**>> Muka 3**

## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | RAMADAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | ISNIN | 13 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |
| 27 | SELASA | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.38 |
| 28 | RABU | 15 | 4.40 | 4.50 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 29 | KHAMIS | 16 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 30 | JUMAAT | 17 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 1 MEI | SABTU | 18 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.32 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |
| 2 | AHAD | 19 | 4.38 | 4.48 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 30 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 31 24 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 31 24 °C | 33 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

26 APRIL 2021

### RAIH KEBERKATAN PENUH KEIKHLASAN

**RAMADAN** merupakan bulan yang penuh keberkatan, di mana kita digalakkan untuk menggandakan segala amal ibadah kita sesuai dengan kemampuan demi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya.

Oleh itu, dalam mengisi Ramadan, kita jangan juga lupa akan tanggungjawab kita kepada sesama, terutama kepada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, balu dan mereka yang memerlukan dalam sama-sama menyambut kehadiran Ramadan, seterusnya Aidilfitri nanti.

Dengan mengongsikan walau sedikit daripada apa yang kita ada atau miliki, insyaAllah tidak akan mengurangkan harta kita, malah insyaAllah, Allah akan menggandakan dengan kebaikan yang setimpal seperti apa yang kita niatkan.

Selain itu, jangan lupa kepada mereka yang sudah tiada, sedekahkan bacaan Al-Fatihah dan adakan Tahlil bagi mereka yang sudah tidak berada di sisi kita. Walaupun pada zahirnya mereka tiada, namun pada hakikatnya, mereka tetap ada dalam hati kita selamanya.

Di samping itu, dalam persiapan menjelang Aidilfitri nanti, jimat cermatlah semasa berbelanja, berbelanjalah mengikut keperluan dan elakkan pembaziran, dari penyediaan makanan, minuman, pakaian, perhiasan rumah hingga pada keperluan lainnya.

Sesungguhnya merayakan Aidilfitri dalam keadaan bersederhana adalah memadai. Jangan hingga kita termasuk dalam golongan riyak dan pembazir juga berlebihan. Tidak salah untuk kita merayakan Aidilfitri, namun bersederhanalah seadanya dan semampunya.

Dalam meniti pertengahan Ramadan ini juga, kita pastinya mendambakan keistimewaan satu malam yang dikatakan sebagai satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, iaitu Lailatulqadar. Kita digalakkan untuk Qiamullail sepanjang 14 malam terakhir Ramadan.

Semasa Qiamullail, selain melaksanakan solat sunat, kita juga digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran, selain berzikir dan sebagainya. Dalam pada itu, pastikan juga tahap kesihatan kita adalah pada tahap yang baik.

Alhamdulillah, Al-Quran diturunkan pada 17 Ramadan, di mana ia merupakan kitab teragung dan menjadi rujukan bagi seluruh umat Islam. Al-Quran merupakan antara mukjizat yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Banyak kebaikan yang dapat kita peroleh dalam Bulan Ramadan, maka tertakluk kepada kita untuk meraihnya dan melipatgandakan amalan yang sering kita laksanakan dalam sama-sama meraih keberkatan juga balasan pahala yang dijanjikan-Nya.

Tidak juga mustahil jika Bulan Ramadan kita jadikan sebagai titik permulaan untuk kita berubah, dari baik menjadi lebih baik, dari kurang baik menjadi baik dan sebagainya. Mulakan sesuatu dengan niat yang betul, insyaAllah pasti akan dipermudah dan lancarkan segalanya.

Jangan hanya bermimpi tanpa usaha, jangan hanya berkhayal tanpa realiti, jangan hanya iski tanpa usaha, jangan hanya membual tanpa niat dalam hati. Pastikan apa yang diusaha dengan niat ikhlas Lillahi Ta'ala, elak sama sekali untuk menunjuk cuma, namun ikhlas jauh sekali hakikatnya, biar kita memberi tanpa tangan kiri mengetahuinya.

Segala yang ikhlas kerana Allah semata, jangan ingin menunjuk apalagi lakonan sahaja, biar kita memberi sedekah sekadar senyuman cuma, yang pasti ia ikhlas dari hati kita, dan bukan sekadar lakonan bagi pujian juga mengaburi mata lainnya.

Ambil kesempatan pada bulan mulia, untuk memperbaiki dan menambah baik diri kita, semoga segala niat dan usaha juga amal kita semua diterima dan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah jua, semoga segala kebaikan yang dilaksanakan mendapat keberkatan dan petunjuk daripada Allah sentiasa. **- Ketua Penyuntingan (Nb).**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar sejurus berangkat tiba di Bangunan Sekretariat ASEAN. Menjunjung keberangkatan baginda dan paduka anakanda, Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.**

**>> Muka 2**

Di samping itu, Kebawah DYMM juga mengalu-alukan cadangan Sekretariat ASEAN untuk menerima permohonan United Kingdom bagi menjadi Rakan Dialog ASEAN dan mencadangkan untuk membantu United Kingdom bagi menjadi Rakan Dialog pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-54.

Semasa mesyuarat ini, Kebawah DYMM juga bertitah menyatakan negara-negara anggota ASEAN sentiasa mengikuti perkembangan di Myanmar dan pada masa yang sama menghormati tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN.

Baginda menekankan bahawa kestabilan serantau adalah penting bagi keamanan dan kemakmuran yang lebih bermakna untuk rakyat ASEAN.

Ke arah ini, baginda mengambil maklum mengenai hasil Mesyuarat Informal Menteri-Menteri Luar ASEAN yang berlangsung baru-baru ini, yang menggesa semua pihak untuk memberhentikan keganasan melampau dan mencari jalan penyelesaian secara aman di Myanmar serta meneruskan usaha-usaha berkaitan di Rakhine State.

Sehubungan ini, negara-negara anggota ASEAN bersedia untuk membantu Myanmar melalui mekanisme ASEAN dengan pihak Pengerusi ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN sebagai perantaraan bagi semua yang terlibat, berdasarkan kepada sejarah dan pengalaman terdahulu ASEAN dalam membantu Myanmar.

Pada penghujung titah, baginda melahirkan penghargaan kepada negara-negara anggota ASEAN dalam memberikan komen-komen membina, sumbangan positif dan idea-idea dalam hal tersebut.

Baginda juga berharap agar semangat kerjasama rapat dan penyelarasan di antara negara-negara anggota ASEAN akan dapat diteruskan dalam menangani cabaran-cabaran sebagai sebuah keluarga dalam ASEAN.

Selepas mesyuarat tersebut, satu Kenyataan Pengerusi mengenai Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN telah dikeluarkan.

Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN ini adalah merupakan satu pencapaian signifikan bagi ASEAN kerana ia diadakan di Sekretariat ASEAN buat julung kalinya, sejak penubuhan ASEAN pada 8 Ogos 1967.

- **SEMASA Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN ini berlangsung, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah, di mana ini adalah waktu yang penting bagi ASEAN untuk memajukan pembinaan Komuniti ASEAN, membaik pulih keadaan daripada pandemik COVID-19 serta menangani perkembangan serantau.**
- **KEBAWAH DYMM juga menzahirkan sokongan bagi penyediaan vaksin kepada penduduk-penduduk ASEAN melalui dana daripada COVID-19 ASEAN Response Fund.**
- **DALAM menghadapi ketidaktentuan masa hadapan, baginda seterusnya menekankan kepentingan bagi ASEAN untuk mengukuhkan kesepaduan dan *centrality* melalui usaha-usaha yang memfokuskan kepada rakyat dengan mengutamakan golongan belia bagi memupuk rasa kebersamaan terhadap Komuniti ASEAN.**
- **NEGARA-NEGARA anggota ASEAN sentiasa mengikuti perkembangan di Myanmar dan pada masa yang sama menghormati tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Bali Room, Bangunan Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.**

Pelita BRUNEI

# BINCANG ISU SERANTAU KEPENTINGAN BERSAMA

**JAKARTA**, Sabtu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan hormat daripada Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chính yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Jakarta, hari ini.

Juga berangkat semasa kunjungan hormat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Semasa kunjungan hormat ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama berbincang mengenai kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau yang berkepentingan bersama seperti perkongsian pengalaman dalam menangani pandemik COVID-19; mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan serta kerjasama dalam bidang-bidang pertanian dan tenaga.

Selain itu, TYT juga menyampaikan sokongan penuh Republik Sosialis Viet Nam terhadap Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2021 dalam sama-sama mencapai matlamat *deliverables* yang dihasratkan.

Semasa kunjungan hormat ini di mana ia merupakan pertemuan kali pertama bagi kedua-dua pemimpin, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyampaikan ucapan tahniah kepada TYT atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini.

Menyertai TYT ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Bui Thanh Son; Minister and Chairman of the Office of the Government, Tran Van Son dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Sosialis Viet Nam, Nguyen Quoc Dzung.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan hormat daripada Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chính yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, Jakarta.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

# Berangkat balik meninggalkan Jakarta, Republik Indonesia

**JAKARTA**, Sabtu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat balik meninggalkan Jakarta, Republik Indonesia setelah selesai mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat balik meninggalkan Jakarta, Republik Indonesia setelah selesai mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

# KEKALKAN PERPADUAN, TANGANI CABARAN BERSAMA

**Kenyataan Akhbar : Chairman's Statement on the ASEAN Leaders' Meeting**

**JAKARTA**, Sabtu, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang berlangsung pada 24 April 2021 di Bangunan Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.

Mesyuarat diadakan dengan tujuan untuk memajukan pembangunan Komuniti ASEAN, mempercepatkan pemulihan daripada pandemik Coronavirus 2019 (COVID-19), memperkuat hubungan luar ASEAN dan menangani isu-isu penting untuk kepentingan bersama bagi semua negara anggota ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Kenyataan Pengerusi bagi Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN, bertitah menyatakan, dalam usaha memperkukuhkan solidariti dan ketahanan serantau, Para Pemimpin ASEAN menekankan kestabilan politik di negara anggota ASEAN sangat penting untuk mencapai Komuniti ASEAN yang aman, stabil dan sejahtera.

Para Pemimpin ASEAN juga menekankan keperluan untuk mengekalkan perpaduan, *centrality* dan relevan di rantau ini dan untuk bersama-sama menangani cabaran bersama.

Para Pemimpin ASEAN juga menyedari bahawa kekuatan Komuniti ASEAN terletak pada keutamaan rakyatnya dan memenuhi keinginan mereka untuk hidup di rantau ini dengan ketenangan, keamanan dan kestabilan yang berkekalan, pertumbuhan ekonomi yang berterusan, kemakmuran bersama dan kemajuan sosial.

Dalam hal ini, para Pemimpin ASEAN turut menegaskan kembali komitmen setiap negara terhadap tujuan dan prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN, termasuk kepatuhan pada aturan hukum, pemerintahan yang baik, prinsip demokrasi dan pemerintahan berperlembagaan, penghormatan terhadap kebebasan, promosi dan perlindungan hak asasi manusia.

Para Pemimpin ASEAN juga menyokong penuh terhadap keutamaan Pengerusi ASEAN Brunei Darussalam dalam menyampaikan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper' yang berfokus pada memanfaatkan sifat peduli orang di rantau ini, mempersiapkan ASEAN untuk masa depan, dan membolehkan kemampanan kemakmuran di wilayah yang berdaya tahan.

Para Pemimpin juga mengalu-alukan usaha untuk meneruskan Inisiatif Strategik dan Holistik untuk Menghubungkan Tindak Balas ASEAN dengan Kecemasan dan Bencana (ASEAN SHIELD).

Para Pemimpin ASEAN menantikan pembentukan platform untuk membolehkan masyarakat ASEAN menyumbang kepada usaha bantuan bencana alam di rantau ini.

Para Pemimpin ASEAN menegaskan komitmen ASEAN untuk menegakkan kerjasama multilateral, yang termaktub dalam undang-undang antarabangsa untuk mencapai keamanan, keselamatan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini dan seterusnya.

Menyedari pentingnya memberi tumpuan kepada rakyat dan dalam hal ini, para Pemimpin ASEAN bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dengan rakan luar secara individual dan di bawah Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) untuk membantu menangani masalah kesihatan mental di rantau ini.

Para Pemimpin ASEAN menekankan pentingnya memupuk rasa kebersamaan dan identiti ASEAN yang lebih besar, termasuk dalam kalangan pegawai bawahan.

Para Pemimpin ASEAN juga menyatakan komitmen untuk menyokong pelaksanaan Brunei Darussalam's Priority Economic Deliverables (PEDs) di bawah Tiang Komuniti Ekonomi ASEAN yang terbahagi kepada tiga teras strategi, iaitu Pemulihan, Digitalisasi, dan Kemampanan.

Ke arah mewujudkan komuniti yang berpusatkan rakyat dan berorientasi kepada rakyat, Para Pemimpin ASEAN menghargai usaha berterusan untuk memperkukuhkan lagi Tiang Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dan agenda Badan Sektoralnya ke arah pembangunan Komuniti ASEAN untuk memastikan ASEAN akan lebih teratur, berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan.

Dalam hal ini, para Pemimpin ASEAN menantikan penerapan Rangka Dasar serantau untuk Memupuk Persefahaman, Toleransi dan pemahaman agenda serantau dalam kalangan rakyat ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 pada Oktober 2021.

Mengenai pandemik COVID-19, para Pemimpin ASEAN menekankan komitmen mereka untuk melaksanakan Rencana Pelaksanaan Rangka Pemulihan Komprehensif ASEAN tepat pada waktunya dan menyambut baik usaha Badan-badan Sektoral ASEAN untuk melengkapi Rangka Kerja.

Para Pemimpin ASEAN juga mengalu-alukan keputusan untuk menggunakan COVID-19 ASEAN Response Fund untuk mendapatkan vaksin bagi rakyat ASEAN dengan seberapa segera yang mungkin.

Para Pemimpin ASEAN juga menyambut baik pengumuman baru-baru ini yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam untuk masing-masing menyumbang USD100,000 kepada COVID-19 ASEAN Response Fund.

Para Pemimpin ASEAN menggalakkan kesimpulan segera daripada ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework (ATCAF) serta pengoperasian awal ASEAN Regional Reserve of Medical Supplies for Public Health Emergencies.

Para Pemimpin ASEAN juga menekankan kepentingan menubuhkan ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases dalam tempoh waktu yang bersesuaian.

Para Pemimpin ASEAN juga menekankan kepentingan pengukuhan ASEAN Centrality dan perpaduan dalam hubungan bersama rakan-rakan luar ASEAN melalui mekanisme ASEAN yang dipimpin untuk membina kepercayaan dan keyakinan bersama, begitu juga untuk membina rantau seni bina berdasarkan peraturan yang terbuka, telus dan inklusif dengan ASEAN sebagai titik utamanya.

Dalam hal ini, para Pemimpin ASEAN mengarahkan Menteri Luar Negara ASEAN untuk mengadakan pertemuan mereka dengan Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat secepat mungkin, sebelum Mesyuarat Menteri Luar ASEAN Ke-54. Selain itu, para Pemimpin ASEAN menantikan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog ASEAN-China dan juga Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Hubungan Dialog ASEAN-Rusia.

Para Pemimpin ASEAN bersetuju untuk mengekalkan pendekatan proaktif dan pendekatan melihat ke luar ASEAN dalam menjalankan hubungan luar ASEAN berdasarkan kepentingan bersama, hubungan konstruktif, dan faedah bersama yang dapat menyumbang kepada usaha kerjasama pembangunan dan Bangunan Komuniti ASEAN.

Para Pemimpin ASEAN seterusnya bersetuju dengan saranan Sekretariat ASEAN agar ASEAN menerima permohonan United Kingdom (UK) untuk Perkongsian Dialog dan menugaskan para Menteri Luar Negara ASEAN untuk melakukan proses yang sesuai untuk memudahkan UK menjadi Rakan Dialog oleh Mesyuarat Menteri ASEAN Ke-54 / Persidangan Pasca Menteri (AMM / PMC Ke-54).

Para Pemimpin ASEAN menegaskan sebagai sebuah keluarga ASEAN, telah mengadakan perbincangan

- **DALAM usaha memperkukuhkan solidariti dan ketahanan serantau, para Pemimpin ASEAN menekankan kestabilan politik di negara anggota ASEAN sangat penting untuk mencapai Komuniti ASEAN yang aman, stabil dan sejahtera.**
- **PARA Pemimpin ASEAN juga menyedari bahawa kekuatan Komuniti ASEAN terletak pada keutamaan rakyatnya dan memenuhi keinginan mereka untuk hidup di rantau ini dengan ketenangan, keamanan dan kestabilan yang berkekalan, pertumbuhan ekonomi yang berterusan, kemakmuran bersama dan kemajuan sosial.**
- **PARA Pemimpin ASEAN mengalu-alukan keputusan untuk menggunakan COVID-19 ASEAN Response Fund untuk mendapatkan vaksin bagi rakyat ASEAN dengan seberapa segera yang mungkin.**
- **PARA Pemimpin ASEAN menyambut baik pengumuman baru-baru ini yang dibuat oleh Negara Brunei Darussalam untuk masing-masing menyumbang USD100,000 kepada COVID-19 ASEAN Response Fund.**
- **PARA Pemimpin ASEAN menggalakkan kesimpulan segera daripada ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework (ATCAF) serta pengoperasian awal ASEAN Regional Reserve of Medical Supplies for Public Health Emergencies.**
- **PARA Pemimpin ASEAN juga menekankan kepentingan menubuhkan ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases dalam tempoh waktu yang bersesuaian.**
- **MENGENAI situasi di Myanmar, para pemimpin mencapai lima kata sepakat dalam Five-Point Consensus yang telah disahkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN.**

tertutup mengenai perkembangan terkini di Myanmar dan menyatakan keprihatinan mendalam dari setiap negara mengenai situasi yang menimpa negara itu, termasuk peningkatan laporan kematian dan penganasan.

Para Pemimpin ASEAN mengakui peranan positif dan konstruktif ASEAN dalam memfasilitasi penyelesaian damai demi kepentingan rakyat Myanmar dan mata pencarian mereka dan oleh itu, para Pemimpin ASEAN bersetuju untuk Five - Point Consensus yang dilampirkan dalam Kenyataan Pengerusi. Para Pemimpin ASEAN juga mendengarkan gesaan untuk membebaskan semua tahanan politik, termasuk warga asing.

Justeru, para Pemimpin ASEAN menekankan kepentingan usaha berterusan Myanmar dalam menangani keadaan di Rakhine State, termasuk memulakan proses penghantaran balik, dengan cara yang sukarela, selamat dan bermaruah mengikut perjanjian dua hala dengan Bangladesh.

Dalam hal ini, para Pemimpin ASEAN berharap agar penghantaran balik pelarian disambung semula secepat mungkin.

Para Pemimpin ASEAN melahirkan penghargaan kepada Setiausaha Agung ASEAN atas usaha beliau dalam menerajui pelaksanaan cadangan Preliminary Needs Assessment (PNA).

Para Pemimpin ASEAN juga menantikan pelaksanaan Comprehensive Needs Assessment (CNA) dan mendorong Setiausaha Agung ASEAN untuk terus mengenal pasti kawasan-kawasan yang dapat memudahkan proses penghantaran bagi rakyat dari Rakhine State.

Sebelum mengakhiri Kenyataan Pengerusi, para Pemimpin ASEAN juga menekankan pentingnya usaha untuk mengatasi punca utama yang menjadi penyebab keadaan di Rakhine State.

Mengenai situasi di Myanmar, para pemimpin mencapai lima kata sepakat dalam Five - Point Consensus yang telah disahkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN.

Pertama, menghentikan dengan serta merta keganasan yang berlaku di Myanmar dan semua pihak perlu mengambil langkah untuk bertenang.

Kedua, dialog konstruktif antara semua semua pihak yang berkenaan akan dimulakan untuk mencari jalan penyelesaian damai demi kepentingan rakyat.

Ketiga, duta khas daripada Pengerusi ASEAN akan memudah proses perantaraan dialog, dengan bantuan Setiausaha Agung ASEAN.

Keempat, ASEAN akan memberikan bantuan kemanusiaan melalui Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Mengenai Pengurusan Bencana ASEAN (Pusat AHA).

Kelima, duta khas dan delegasi akan melawat Myanmar untuk mengadakan pertemuan bersama pihak-pihak berkenaan.



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (depan, lapan dari kiri) pada sesi bergambar ramai di Program Ihya Ramadan dan Jangkauan Ramadan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

# PROGRAM IHYA RAMADAN DAERAH TEMBURONG

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan**

**TEMBURONG**, Ahad, 25 April. - Program Ihya Ramadan dan Jangkauan Ramadan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang sedang berterusan diadakan pada bulan Ramadan ini, diteruskan lagi di Masjid Kampung Selangan, Temburong, hari ini, di sini.

Majlis yang dianjurkan bersama oleh Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (1Bn TDDB) dan Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT) tersebut adalah sebahagian daripada acara-acara keagamaan di bawah program tersebut yang bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

Khususnya bersama dengan masyarakat setempat dalam sama-sama merebut kemanfaatan dan ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala apatah lagi ia bertepatan pada bulan Ramadan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir yang diketuai oleh Imam Masjid, Awang Mahdini bin Kamis.

Majlis diteruskan lagi dengan Tadarus Al-Quran oleh para jemaah dan diakhiri dengan penyerahan sumbangan kepada masjid kampung berkenaan.

Sebelum itu, majlis keagamaan juga turut diadakan di Surau Al-Quwwah, Perkhemahan Bangar. Ini diikuti dengan jamuan malam bersama penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dari Daerah Temburong.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Pegawai dan Anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.



MAJLIS dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat hadir pada jamuan malam.



## COVID-19 : Tidak ada kes baharu

>> Muka 1

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 409 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 119,875 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



# MEMPERINGATI HARI ANZAC



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika menyaksikan gambar yang dipamerkan pada Hari ANZAC, iaitu hari peringatan bagi lelaki dan wanita Australia dan New Zealand yang berkhidmat di negara-negara mereka sebagai angkatan bersenjata.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**MUARA,** Ahad, 25 April. - Lebih daripada 50 orang warga Australia, New Zealand dan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tetamu antarabangsa berkumpul pada awal pagi di Tugu Peringatan Brunei-Australia, Pantai Muara sempena Hari ANZAC, iaitu hari peringatan bagi lelaki dan wanita Australia dan New Zealand yang telah berkhidmat di negara-negara mereka sebagai angkatan bersenjata, hari ini.

Hadir pada majlis itu, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Puan Yang Terutama Tiffany Anne McDonald.

NBD dan Australia mempunyai hubungan persahabatan dan kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang, termasuk bidang pertahanan yang sudah terjalin sekian lama.

Hubungan pertahanan itu telah terjalin sejak pendaratan Tentera Divisyen Ke-9 Australia di Pantai Muara pada Ahad, 10 Jun 1945 sebagai salah satu operasi penting untuk mendapatkan kembali Kepulauan Borneo dan menamatkan pendudukan Jepun di Brunei semasa Perang Dunia Kedua.

Pada majlis berkenaan, Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD semasa menyampaikan kata alu-aluannya menyatakan, bahawa dalam sejarah Australia, kita telah menghantar beberapa belasan tentera perang tetapi Australia telah menyumbang lebih daripada tiga kali lebih banyak operasi pengaman dan kebanyakannya tidak bersenjata.

Sebagai sebuah negara, jelas PYT, kita tidak mengabaikan tugas untuk membawa kedamaian dan menyelamatkan nyawa seperti yang dilakukan oleh Sir Neville Howse dengan risiko mereka sendiri.

Sesungguhnya, generasi pemerintah Australia memutuskan bahawa pembangunan perdamaian adalah yang paling penting. Kita adalah jelas negara yang berwawasan terhadap masalah, bersedia memikul beban.

"Sekiranya kita hidup dalam tatanan antarabangsa berdasarkan peraturan di mana kita tidak menerima paksaan dan paksaan itu menentukan hasil pertikaian; jika kita memilih dunia di mana nilai dan prinsip patut dipertahankan dan hak negara untuk menikmati kemakmuran dan keharmonian di bawah undang-undang antarabangsa adalah yang terpenting.

"Maka kita tidak punya pilihan selain memiliki keberanian untuk berdiri, melangkah maju, berbahagi beban keamanan bersama, kestabilan wilayah, sehingga keamanan tetap terjaga.

"Perkhidmatan adalah perkara yang penting. Keberanian untuk berkhidmat untuk perdamaian sangat kuat. Keberanian untuk memastikan keamanan kita dipertahankan adalah sesuatu yang komited untuk dilakukan Australia, bekerjasama dengan rakan-rakan kita di rantau ini," ujar PYT.

Majlis kemudian menyaksikan Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua; PYT Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD, Tuan Yang Terutama Christian Ramage; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Jeanette Stovel; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Puan Yang Terutama Gerda Winkler; Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama John Virgoe; Charge d'Affaires Kedutaan Amerika Syarikat ke NBD, Puan Emily Fleckner dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy yang juga meletakkan jambangan bunga sebagai tanda penghormatan dan memperingati jasa di tugu peringatan itu.

Majlis juga menyaksikan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD membacakan kata-kata yang diukir 'Ataturk' di Tugu Peringatan, 'Ari Burnu', 'Gallipoli', Turki serta bacaan puisi bertajuk 'Ode ForThe Fallen'.

Majlis peringatan itu juga menyaksikan bendera negara Australia dan New Zealand dikibarkan di kawasan tugu berkenaan bagi memperingati jasa-jasa tentera Australia dan New Zealand yang telah dan terus berjuang serta berkhidmat di seluruh dunia.



YANG Berhormat dan PYT Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD pada sesi bergambar ramai di Tugu Peringatan Brunei-Australia, Pantai Muara sempena Hari ANZAC.



PYT semasa menyampaikan kata alu-aluannya.

# Waktu operasi pusat vaksinasi pada Bulan Ramadan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai waktu operasi bagi pusat-pusat vaksinasi COVID-19 semasa bulan Ramadan 1442H bersamaan 2021M.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, pusat vaksinasi bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang dan ditutup pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam.

Manakala bagi Daerah Tutong, pusat vaksinasi bertempat di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong yang beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang dan ditutup pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam.

Di Daerah Belait, pusat vaksinasi bertempat di Hospital Suri Seri Begawan, Belait yang beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang dan ditutup pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam.

Sementara bagi Daerah Temburong, pusat vaksinasi bertempat di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong yang beroperasi pada ari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang dan ditutup pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (semasa waktu pejabat).

| DAERAH | WAKTU OPERASI |
| --- | --- |
| **Daerah Brunei Muara** | |
| Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah | **Isnin – Khamis & Sabtu** 8.30 pagi – 1.00 petang *(tutup semasa hari Jumaat, Ahad dan hari Kelepasan Awam)* |
| **Daerah Tutong** | |
| Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong | **Isnin – Khamis & Sabtu** 8.30 pagi – 1.00 petang *(tutup semasa hari Jumaat, Ahad dan hari Kelepasan Awam)* |
| **Daerah Belait** | |
| Hospital Suri Seri Begawan, Belait | **Isnin – Khamis & Sabtu** 8.30 pagi – 2.00 petang *(tutup semasa hari Jumaat, Ahad dan hari Kelepasan Awam)* |
| **Daerah Temburong** | |
| Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong | **Isnin – Khamis & Sabtu** 8.30 pagi – 1.00 petang *(tutup semasa hari Jumaat, Ahad dan hari Kelepasan Awam)* |



# MANFAAT VAKSIN BANTU MENCEGAH PENYAKIT BERJANGKIT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 April. - Pada tahun ini, dari 24 hingga 30 April 2021, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sekali lagi akan menyambut Minggu Imunisasi Sedunia.

Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia merupakan satu kempen tahunan yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan vaksin untuk melindungi setiap individu di semua peringkat umur daripada penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam Perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar sempena Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2021.

Yang Berhormat menjelaskan tema sambutan pada tahun ini, 'Vaccines Bring Us Closer' menunjukkan bagaimana vaksinasi menghubungkan kita dengan orang yang kita sayangi dan bagaimana vaksinasi dapat membantu meningkatkan kesihatan semua orang di sepanjang hayat.

Tambah Yang Berhormat, Imunisasi merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting dan kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit berjangkit tertentu dan telah mengelakkan dalam anggaran dua hingga tiga juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.

Menurut Yang Berhormat, pada abad yang lalu, vaksin membantu dalam pembasmian penyakit cacar (Smallpox) dan pada masa sekarang, vaksin juga membantu membawa kesihatan global lebih dekat untuk menamatkan penyakit Polio. Dengan adanya vaksin, pada hari ini, berjuta orang menjalani kehidupan yang sihat dan dilindungi lebih dari 20 jenis penyakit-penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin, seperti campak dan batuk kokol.

Jelas Yang Berhormat, dalam dunia yang saling berkaitan (*interconnected*) tanpa sempadan pada masa ini, mana-mana wabak yang berlaku di mana-mana sahaja merupakan ancaman kepada seluruh dunia. Vaksin merupakan satu kaedah intervensi kesihatan awam yang terbaik untuk kita mengawal wabak penyakit di peringkat global.

Seperti yang dilihat daripada penularan wabak COVID-19 yang sedang berleluasa, kita boleh melihat dengan jelas bahawa vaksin memainkan peranan yang penting dalam memberhentikan penularan wabak COVID-19 untuk membolehkan kita kembali kepada kehidupan seperti biasa (normal), ujar Yang Berhormat.

NBD, terang Yang Berhormat, bersama dengan negara-negara ahli WHO yang lain, menyokong 'Agenda Imunisasi 2030', iaitu strategi global WHO yang membayangkan sebuah dunia dengan semua orang, di mana pun mereka berada dan pada setiap peringkat umur akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada vaksin untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menekankan, Kementerian Kesihatan komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi Program Imunisasi di NBD yang merangkumi kesemua peringkat umur daripada kanak-kanak hingga ke golongan warga emas.

Alhamdulillah di NBD, jelas Yang Berhormat, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin secara percuma daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak di tahap yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun. Pencapaian ini membuktikan bahawa Program Imunisasi Kebangsaan dan inisiatif pemberian vaksin di negara ini adalah berkesan dan sangat penting.

Tambah Yang Berhormat, ia bukan sahaja memberikan imej yang membanggakan, tetapi juga boleh memberikan implikasi positif terhadap NBD, iaitu dalam memberikan perlindungan atau pencegahan seawalnya bukan sahaja kepada seseorang individu, malah kepada individu-individu di sekelilingnya, seperti ahli keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk menambah baik Program Imunisasi Negara Brunei Darussalam agar pencapaian ini dapat dikekalkan dan juga dipertingkatkan.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat menjelaskan, sempena Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2021, Yang Berhormat ingin mengingatkan kepada semua peringkat masyarakat, termasuklah setiap individu, keluarga dan pihak-pihak berkepentingan, sama ada daripada pihak kerajaan atau pihak sektor swasta untuk bekerjasama membantu mengurangkan beban global penyakit-penyakit berjangkit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin. Ini adalah sangat penting dan relevan, terutama sekali apabila negara sedang diancam oleh pandemik wabak COVID-19 pada ketika ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pengambilan vaksin COVID-19 adalah merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri, keluarga dan juga masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, semakin ramai orang diberi vaksin, semakin tinggi tahap kekebalan penduduk negara ini terhadap penyakit ini. Ini seterusnya akan dapat mengurangkan kesan COVID-19 terhadap kesihatan awam dan masyarakat.

Alhamdulillah, dalam fasa pertama perlaksanaan program vaksin COVID-19 yang sedang dijalankan pada masa ini, seramai 11,690 individu menerima dos pertama suntikan vaksin COVID-19 setakat ini. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih di tahap yang rendah, ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan penglibatan orang ramai untuk sama-sama mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 mengikut fasa-fasa yang telah dimaklumkan sebelum ini, iaitu fasa pertama bagi petugas barisan hadapan (*frontliners*), warga emas (60 tahun ke atas), pelajar-pelajar yang akan menuntut di luar negara; fasa kedua bagi orang dewasa yang berisiko tinggi, guru-guru serta kakitangan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak; dan fasa ketiga bagi orang ramai berumur 18 tahun ke atas.

Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 apabila tempahan untuk mendapatkan slot suntikan dibukakan menurut fasa-fasa yang ditetapkan. Pada masa ini, tempahan bagi golongan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dibukakan bermula Khamis, 9 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan dengan 22 April 2021.

Kata Yang Berhormat, mereka yang ingin mengikuti Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 boleh membuat tempahan perjanjian melalui aplikasi BruHealth atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148. Orang ramai hendaklah memastikan akaun BruHealth mereka disahkan, jika masih belum disahkan dan mengemas kini maklumat peribadi (nombor Kad Pengenalan, telefon dan alamat) dalam Bru-HIMS di klinik-klinik atau hospital-hospital kerajaan jika belum dikemas kini.



**PERUTUSAN Yang Berhormat Menteri Kesihatan sempena Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2021.**

Yang Berhormat menjelaskan, setiap individu mempunyai peranan yang penting untuk mendapatkan vaksinasi bagi melindungi diri, keluarga dan juga masyarakat, terutama sekali daripada kesan bahaya COVID-19. Sokongan dan kerjasama orang ramai akan dapat membantu melindungi seluruh rakyat dan penduduk negara ini daripada penyakit-penyakit berjangkit tertentu, termasuk wabak pandemik COVID-19.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk sama-sama mendapatkan suntikan vaksin yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi bersama-sama melindungi kesihatan penduduk NBD.

- **PADA tahun ini, dari 24 hingga 30 April 2021, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sekali lagi akan menyambut Minggu Imunisasi Sedunia.**
- **SAMBUTAN Minggu Imunisasi Sedunia merupakan satu kempen tahunan yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan vaksin untuk melindungi setiap individu di semua peringkat umur daripada penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin.**
- **IMUNISASI merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting dan kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit berjangkit tertentu dan telah mengelakkan dalam anggaran dua hingga tiga juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.**
- **KEMENTERIAN Kesihatan komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi Program Imunisasi di NBD yang merangkumi kesemua peringkat umur daripada kanak-kanak hingga ke golongan warga emas.**

## COVID-19 : 1 kes sembuh

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
**Infografik : Bahagian Pelita Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 223 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 353 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 82 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, lapan kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan pada hari ini juga, satu kes telah disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 212 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 575 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 17,164 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 394 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 119,466 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.







# JPM SEMARAKKAN BULAN RAMADAN

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 April. - Majlis Tadarus Bulan Ramadan bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1442H / 2021M menutup tirainya dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; dan pegawai-pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (depan, tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran. Turut hadir, Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie.**

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, diikuti dengan Dikir Marhaban.

Bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan bagi memberkati majlis dan seterusnya berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara-acara keagamaan pada bulan Ramadan seumpama ini merupakan salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung sekitar.

Di samping itu, ia juga bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini dengan mengharapkan ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan yang penuh keberkatan ini.





**ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen (kiri dan kanan).**

# PPDB anjur Majlis Bertahlil



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (depan, tiga dari kanan) semasa hadir pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**GADONG,** Sabtu, 24 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) PPDB mengendalikan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung di Surau Sementara, Dewan Persidangan PPDB, Ibu Pejabat Polis, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid; Pengarah-pengarah; Timbalan Pengarah; Pegawai-pegawai Kanan; Pegawai-pegawai; Keanggotaan dan Kakitangan Awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau PPDB, APO Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Setelah itu majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan penutup.

Selain mengambil keberkatan pada bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini, majlis diadakan bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada-Nya, memohon untuk dijauhkan daripada segala bala bencana serta dimurahkan memperoleh rezeki yang halal lagi bermanfaat.

# Beri sokongan moral, kasih sayang

**Siaran Akhbar : Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 April. - Program Jejak Kasih PENJURU merupakan Program Bantuan Persatuan Jururawat (PENJURU) Negara Brunei Darussalam kepada mantan jururawat dan bidan yang kurang berkeupayaan.

PENJURU telah mengadakan Projek Jejak Kasih PENJURU di keempat-empat buah daerah yang dibahagikan kepada dua fasa.

Bagi fasa pertama, rombongan seramai 20 orang mengadakan program berkenaan di Daerah Kuala Belait dan Daerah Tutong pada 25 April 2021 bagi seramai enam orang penerima.

Manakala bagi fasa kedua pula akan diadakan di Daerah Brunei dan Muara pada 2 Mei 2021 untuk lima orang penerima. Projek ini diketuai oleh Yang Dipertua PENJURU, Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah.

Ikut serta dalam sama-sama menjayakan lagi program ini ialah Naib Yang Dipertua PENJURU, Dayang Hajah Asmah binti Haji Omar dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi persatuan.

Projek ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran kepada jururawat agar bersikap prihatin terhadap golongan yang memerlukan seperti mantan jururawat dan bidan yang kurang upaya.

Ia juga dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat PENJURU untuk mendekatkan diri dengan masyarakat serta memberi sokongan moral dan kasih sayang kepada mantan jururawat dan bidan di tanah air ini.

Menurut Pengerusi Bahagian Sosial dan Kebajikan PENJURU, Dayang Hajah Siti Halimah binti Md. Tahir bahawa program ini merupakan program tahunan yang di adakan sejak tahun 2014 dan sejak itu, Ahli Jawatankuasa PENJURU disarankan mengadakan program komuniti sebagai salah satu komitmen persatuan ini mengikut kreativiti masing-masing.

Program seperti ini dapat mendedahkan jururawat dan bidan mengenai dunia sebenar kejururawatan yang tidak boleh didapati dalam pembelajaran teori.

Mereka juga boleh mendapat gambaran sebenar mengenai pengurusan pesakit yang memerlukan bantuan dan kurang upaya yang sedikit sebanyak memberi mereka pendedahan yang sewajarnya.

Melalui program kali ini, seramai 11 orang mantan jururawat dan bidan akan menerima bantuan daripada PENJURU.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN, TAHLIL DITERUSKAN

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**YANG Mulia Pemangku Menteri Tenaga (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran, seterusnya menyampaikan wakaf kepada Imam Masjid Ar-Rahman (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 April. - Bulan Ramadan adalah bulan penuh keberkatan di mana semua pahala amal kebaikan akan dilipatgandakan. Amalan bertadarus merupakan antara kegiatan keagamaan yang menjadi pilihan umat Islam sepanjang bulan puasa ini.

Sehubungan itu, Kementerian Tenaga dan jabatan-jabatan serta badan berkanun di bawahnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, diikuti dengan penyampaian wakaf bertempat di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang penuh berkebajikan tersebut ialah Pemangku Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Tenaga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES), Lembaga Petroleum Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES); Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA) dan Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD).

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan Surah Dhuha dan surah-surah yang lain dipimpin oleh jurutera dari Kementerian Tenaga, Muhammad Nazirul Rawi bin Awang Zaimin diikuti dengan bacaan Doa Khatam.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Doa Tahlil untuk ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta kerabat diraja yang telah kembali ke rahmatullah.

Seterusnya, bacaan Dikir Marhaban, diikuti dengan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Ar-Rahman, Awang Saufi bin Haji Suhaini. Acara diakhiri dengan penyampaian wakaf yang diserahkan oleh Pemangku Menteri Tenaga kepada Imam Masjid Ar-Rahman.

Majlis Khatam Al-Quran adalah sebahagian daripada acara tahunan kementerian dalam mempromosikan aktiviti keagamaan pada bulan suci Ramadan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara kakitangan kementerian, jabatannya dan badan berkanun di bawahnya.



**ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.**

# Tingkatkan amalan bagi meraih pahala

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**GADONG**, Sabtu, 24 April. - Sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, acara keagamaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang giat dijalankan bagi menyemarakkan lagi suasana pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Banyak pihak berlumba-lumba untuk meningkatkan amalan bagi meraih pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala, tidak kira daripada pihak individu, keluarga mahupun jabatan-jabatan atau pihak syarikat swasta. Antara aktiviti yang sering menyemarakkan bulan Ramadan ialah Tadarus Al-Quran.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah diadakan di Masjid Kampung Perpindahan Kampung Mata-Mata, Gadong, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Seterusnya, diikuti dengan acara Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah dan bacaan Takhtim Al-Quran secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan disusuli dengan Doa Khatam Al-Quran oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah, Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong, Dayang Siti Nuraimah Syafiqah binti Muhammad Juhari.

Acara tersebut diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Noryati binti Haji Ibrahim.

Aktiviti keagamaan tahunan tersebut adalah sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini dan serta meningkatkan amal ibadat dan merebut ganjaran yang besar pada bulan Ramadan melalui amalan Tadarus Al-Quran.

Di samping itu juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan wanita KHEU dengan Ahli Qariah masjid khususnya Muslimah masjid.



**ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran tersebut.**



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi (depan, tengah) ketika hadir selaku tetamu kehormat dan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah pada Majlis Khatam Al-Quran Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.**

# PEMILIHAN BERDASARKAN SUARA MAJORITI PENDUDUK KAMPUNG



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Ketua Kampung Penanjong. Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Jabatan Daerah Tutong**

**TUTONG**, Ahad, 25 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Ketua Kampung Penanjong diadakan hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Penanjong, Kampung Penanjong, Mukim Pekan Tutong, di sini.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan antara lain menjelaskan bahawa dengan jumlah ini daripada yang layak mengundi telah mendaftar ia dapat mencerminkan suara majoriti penduduk-penduduk kampung.

Menurutnya, dalam memastikan suara penduduk-penduduk kampung betul-betul dicerminkan melalui pengundian maka adalah disarankan bagi penduduk-penduduk kampung datang mengundi beramai-ramai untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang penduduk kampung untuk mengundi setuju ataupun sebaliknya.

Sebelum pengundian dimulakan penduduk kampung yang hadir juga berkesempatan untuk mendengar taklimat tatacara pemilihan dan pengundian calon oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zul Fakhri bin Pengiran Haji Omarali.

Dua orang calon yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Pekan Tutong ialah Awang Salim bin Haji Othman, berusia 55 tahun merupakan pesara Pegawai Pendidikan manakala, calon yang kedua ialah Awang Abdul Kahar bin Haji Yahya, berusia 48 tahun, di mana pada ketika ini masih bertugas di Jabatan Daerah Tutong.

Seterusnya, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Penanjong, iaitu Awang Muhammad Ariffin bin Haji Akip berusia 45 tahun di mana pada ketika ini masih bertugas di Jabatan Daerah Tutong.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pekan Tutong pada hari ini adalah khusus bagi Penduduk-penduduk Kampung Penanjong, selain daripada pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Penanjong.

Sementara itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pekan Tutong akan diteruskan pada Ahad, 2 Mei 2021, di mana juga akan diadakan di Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sengkarai bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi penduduk-penduduk di Kampung Panchor, Kampung Petani dan Kampung Sengkarai.

Seramai 353 orang telah hadir mengundi calon bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Penanjong daripada jumlah 490 orang yang berdaftar dan layak mengundi. Seramai 292 orang bersetuju, 48 orang tidak bersetuju dan 13 undi rosak telah mengundi calon Awang Muhammad Ariffin bin Haji Akip.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong; Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Pemangku Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Pekan Tutong, Daerah Tutong.

Keputusan pengundian akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.




**ANTARA yang hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Ketua Kampung Penanjong.**

BRUNEI DARUSSALAM
2021

**MESYUARAT** Ketua Angkatan Pertahanan ASEAN Ke-18 (ACDFM) diadakan secara maya di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dengan tema tahun ini 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Turut hadir dalam ACDFM Ke-18 ialah Pemerintah Angkatan Bersama ABDB sebagai Pengerusi Mesyuarat Operasi Ketenteraan ASEAN Ke-11 (AMOM) dan Pengarah Perisikan sebagai Pengerusi Mesyuarat Perisikan Tentera ASEAN Ke-18 (AMIM).

Dalam mesyuarat tersebut, Ketua Angkatan Pertahanan ASEAN mengadopsi Pelan Kerja Aktiviti Dua Tahun ASEAN (2021-2023) dan mengeluarkan Kenyataan Bersama ACDFM Ke-18. Selain itu, Negara Brunei Darussalam mengemukakan kertas kerja bertajuk 'Latihan Ketenteraan ASEAN (AMX)' yang bertujuan untuk menyokong tentera ASEAN untuk meningkatkan keselamatan, interoperabilitas, dan kemampuan serantau melalui kerjasama bersepadu. Semasa ACDFM Ke-18, Panglima Angkatan Pertahanan ASEAN juga bertukar pandangan mengenai isu-isu keselamatan yang saling berkaitan, sejajar dengan tema mesyuarat.

Mesyuarat diakhiri dengan upacara penyerahan Ketua ACDFM kepada Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja sebagai Pengerusi ACDFM Ke-19 berikutnya pada tahun 2022.

Sebelum mesyuarat itu, satu siri pertemuan dua hala maya juga telah diadakan antara Panglima ABDB dan Panglima Angkatan Pertahanan ASEAN.

# 31 sertai Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah, Pilihan

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 April. - Seramai 31 peserta mengikuti Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Surah Pilihan bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, yang berlangsung di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Hadir menyempurnakan hadiah kepada para pemenang, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki.

Pertandingan tersebut dibahagikan pada gabungan Kategori 'A' bagi umur 6 hingga 7 tahun; dan Kategori 'B' bagi umur 8 hingga 9 tahun; dan Kategori 'C' bagi umur 10 hingga 12 tahun, yang dibahagi pada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 1 dan Kumpulan 2.

Gabungan Kategori 'A' dimenangi oleh Awang Muhammad Adli Al Hakim bin Haji Safri, diikuti dengan Awang Faiz Firas Izzat bin Mohammed Fadzli di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Iffa Raihana Amani binti Jasmin.

Sementara itu, dalam Kategori 'C' bagi Kumpulan 1, juara dimenangi oleh Dayang Nur Husnul Fikriah binti Haji Sudirman, disusuli di tempat kedua disandang oleh Muhd. Zainul Ariffin bin Muhd. Khalidzulain dan Dayang Nur Najwa binti Abdullah di tempat ketiga.



**PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pada Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Surah Pilihan bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi.**

Manakala bagi Kategori 'C', dalam Kumpulan 2 pula, Dayang Nur Syakirah Qistina Amani binti Mohammad Sofian mendapat tempat pertama, diikuti dengan Dayang Nur Fatin Batrisya binti Azami di tempat kedua dan di tempat ketiga disandang oleh Awang Umar Abdul Aziz bin Farihan.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang adalah sumbangan daripada Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Surah Pilihan bagi kanak-kanak yang berumur 6 hingga 12 tahun, bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi dianjurkan bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi dan Kedutaan Republik slam Iran di Brunei Darussalam.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki, Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Hamit Ersoy; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko; Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona; dan Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Puan Nadia Azura Mohd. Nudri.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

# KEBAJIKAN, KESEJAHTERAAN ANAK YATIM TIDAK DILUPAKAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyampaikan derma kepada anak yatim.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**JERUDONG**, Sabtu, 24 April. - Kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di negara ini tidak pernah dilupakan oleh pelbagai pihak dan para dermawan yang terus menghulurkan derma dan bantuan bagi mereka yang memerlukan.

Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B' (MPKJB) bersama YMRM dan Persatuan Warisan Kedayan Jerudong (WARISAN) mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bagi Kampung Jerudong 'B'.

Seramai 265 anak yatim menerima derma yang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @Jahari yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Pengkalan Batu dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim. Acara ini merupakan sebahagian daripada aktiviti kebajikan MPKJB tersebut sepanjang bulan Ramadan.



SUASANA Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bagi Kampung Jerudong 'B'.

# MUIB hulur bantuan agihan zakat

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Sabtu, 24 April. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menyerahkan Agihan Zakat Wang Tunai kepada Asnaf Fakir dan Miskin menjelang Hari Raya tahun ini.

Sejumlah BND1,957,580 wang zakat akan diagih-agihkan kepada 3,130 ketua keluarga dan 10,776 orang tanggungan yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin di seluruh negara.

Kesemua wang tunai ini diambil dari Peruntukan Kumpulan Wang Zakat Fitrah dan Zakat Harta yang dikutip pada tahun 2020.

Sehubungan itu, Agihan Zakat Wang Tunai Menjelang Hari Raya berjumlah BND46,090 telah diserahkan kepada 75 ketua keluarga dan 248 orang tanggungan bagi Daerah Tutong yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin hari ini yang diadakan di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Tutong, di sini.

Penyampaian Agihan Zakat ini disempurnakan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar juga selaku Ahli MUIB.

Terdahulu sebelum itu, acara Tadarus Al-Quran Rombongan Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sempena Bulan Ramadan ke Masjid-masjid Tahun 1442H juga berlangsung di masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Mohd. Nasyith bin Superi.

Acara pada hari tersebut juga diteruskan dengan Tadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan Tadarus Pegawai dan Kakitangan KHEU, seterusnya akan mengunjungi Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Kampung Bolkiah pada Isnin, 3 Mei 2021, jam 4.45 petang.

- **SEJUMLAH BND1,957,580 wang zakat akan diagih-agihkan kepada 3,130 ketua keluarga dan 10,776 orang tanggungan yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin di seluruh negara.**
- **AGIHAN Zakat Wang Tunai Menjelang Hari Raya berjumlah BND46,090 telah diserahkan kepada 75 ketua keluarga dan 248 orang tanggungan bagi Daerah Tutong yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin hari ini yang diadakan di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Tutong.**



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan semasa hadir pada Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai kepada Asnaf Fakir dan Miskin menjelang Hari Raya tahun ini (atas), manakala gambar bawah kiri, acara Tadarus Al-Quran Rombongan Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama sempena Bulan Ramadan ke Masjid-masjid Tahun 1442H, berlangsung di masjid berkenaan.






MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. **'Meningkatkan Amalan Di Bulan Ramadan'.** Tarikh Tutup **: 28 April 2021**
2. **'Rakan Sebaya Berperanan Dalam Membentuk Jati Diri'.** Tarikh Tutup **: 5 Mei 2021**
3. **'Manfaat Menabung Untuk Masa Depan'.** Tarikh Tutup **: 12 Mei 2021**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

SISIPAN KHAS

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

EDISI ISNIN | 26 APRIL 2021M / 13 RAMADAN 1442H

Kelolaan Meja Iklan, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam

pelitabrunei pelitabrunei Pelita Brunei

رمضان كريم

# Senarai Nama-Nama Amil

## Bagi Seluruh Negara Brunei Darussalam

### Tahun 1442 - 1443H / 2021 - 2022M



Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa', ayat 77 tafsirnya :

**"DAN DIRIKANLAH SEMBAHYANG SERTA KELUARKANLAH ZAKAT"**

# Zakat Fitrah Bagi Tahun 1442H Bersamaan 2021M

**KERAMAIAN AMIL-AMIL DAN KAWASAN-KAWASAN BAGI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1442 - 1443H / 2021 - 2022M**

| JABATAN / DAERAH | KERAMAIAN AMIL | KAWASAN |
|---|---|---|
| JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM | 45 | 4 |
| BRUNEI DAN MUARA | 203 | 79 |
| BELAIT | 24 | 15 |
| TUTONG | 51 | 29 |
| TEMBURONG | 26 | 13 |
| **JUMLAH** | **349** | **140** |

**SENARAI NAMA-NAMA AMIL JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BAGI TAHUN 1442 - 1443H / 2021 - 2022M**

**LANTIKAN ATAS NAMA JAWATAN (TETAP)**

| BIL. | | BIL. | |
|---|---|---|---|
| 1 | **Setiausaha Majlis Ugama Islam, Brunei**<br>(Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop) | 4 | **Penolong Pengelola Zakat dan Fitrah, Tingkat II**<br>i. Awang Rahim bin Omar<br>ii. Awang Abu Bakar bin Haji Miramit<br>iii. Awang Haji Rossley bin Haji Puasa<br>iv. Awang Rusli bin Haji Tungkat<br>v. Awang Haji Muhd. Awalluddin bin Haji Zaini |
| 2 | **Penolong Setiausaha Majlis Ugama Islam, Brunei**<br>(Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu) | | |
| 3 | **Penolong Pengelola Baitul Mal, Tingkat I**<br>i. Awang Mohammad Nuraliminsah bin Ahmadi | 5 | **Pembantu Pengelola Zakat dan Fitrah**<br>i. Awang Haji Mohd. Redzuan bin Haji Abdullah<br>ii. Awang Sajali bin Ali<br>iii. Awg Muhamad Khairul Hakim bin Jaya |

**LANTIKAN ATAS NAMA BATANG TUBUH**

| BIL. | | BIL. | |
|---|---|---|---|
| 1 | **Awg. Hj. Mohamed Khalid bin Hj. Timbol**<br>(Pegawai Ugama) | 18 | **Awg. Haji Mohd Aidil Sufian bin Mohd Yassin**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong) |
| 2 | **Awg. Haji Zakaria bin Haji Ajak**<br>(Pegawai Pelajaran Ugama) | 19 | **Awg. Haji Masri bin Haji Ghani**<br>(Imam Tingkat I, Daerah Tutong) |
| 3 | **Awg. Haji Md. Amir Abd. Aziz bin Haji Puteh**<br>(Pegawai Ugama) | 20 | **Awg. Elde bin Hj Suhaili**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Temburong) |
| 4 | **Awg. Mohd. Adly Kashfullah bin Haji Md. Jaafar**<br>(Pegawai Ugama) | 21 | **Awg. Muhammad Afiq bin Haji Mohd Yusof**<br>(Petugas Zakat Tingkat Khas, Daerah Tutong) |
| 5 | **Awg. Abdul Ishraq bin Haji Ismail**<br>(Pegawai Ugama) | | |
| 6 | **Awg. Haji Romzi bin Haji Abd. Ghani**<br>(Pegawai Kemasyarakatan) | 22 | **Awg. Samin bin Duraman**<br>(Buruh, Daerah Temburong) |
| 7 | **Pg. Hj. Setia Putra bin Pg. Haji Metussin**<br>(Penolong Pegawai Ugama) | 23 | **761 Mej Ariffin bin Amit @ Hamid**<br>(Jabatan Agama ABDB) |
| 8 | **Awg. Mohd. Issham bin Hj. Mohd. Yaakub**<br>(Penolong Pegawai Ugama) | 24 | **1113 Kapt Mohd Farid bin Mohd Raffi**<br>(Jabatan Agama ABDB) |
| 9 | **Awg. Haji Abd. Aziz bin Haji Md. Yassin**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid Masjid Kg. Serusop) | 25 | **Awg Hj Mohammad Abdul Aliff bin Haji Sulong**<br>(Unit Projek Perumahan) |
| 10 | **Haji Jaya bin Haji Yahya**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kg Jerudong) | 26 | **Awg Mohammad Hazam bin Haji Mahbub**<br>(Jurutayang BAKAZ) |
| 11 | **Awg Md Amin bin Haji Salim**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid. Sungai Hanching) | 27 | **Awg Ali Yusran bin Haji Emran**<br>(Pekerja Tkt III, JMUIB) |
| | | 28 | **Awg Arif bin Gapar / Haji Hassan**<br>(Pekerja Tkt III, JMUIB) |
| 12 | **Awg Ilmami bin Haji Othman**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Rimba Gadong) | 29 | **Awg Nordin bin Limin**<br>(Petugas Zakat Tkt Khas, Unit Siasatan) |
| 13 | **Awg Haji Abdul Aziz bin Haji Ghani**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bebatik Kilanas) | 30 | **Awg Effendy bin Haji Ahmad**<br>(Petugas Zakat Tkt Khas, Unit Siasatan) |
| 14 | **Md. Aliyani bin Haji Ismail**<br>(Ketua Pegawai Ugama, Daerah Belait) | 31 | **Awg Tarmizie bin Haji Abd Rahman**<br>(Petugas Zakat Tkt Khas, PROPAZ) |
| 15 | **Awg. Haji Haslan bin Haji Shahbuddin**<br>(Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Belait) | 32 | **Muhammad Jauzi bin Jasmin**<br>(Petugas Zakat Tkt Khas, Daerah Belait) |
| | | 33 | **Awg Azizul Hakeem bin Awg Badaruddin**<br>(Pekerja Tkt Khas, Bergaji Hari) |
| 16 | **Awg. Arif Fakhrullah bin A. Ramlee**<br>(Pegawai Ugama, Daerah Belait) | 34 | **Awg Haji Kusmawidy bin Haji Abd Karim**<br>(Kerani, JMUIB) |
| 17 | **Awg. Haji Azman bin Haji Musa**<br>(Ketua Pegawai Ugama, Daerah Tutong) | | |

**SENARAI NAMA-NAMA AMIL DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TAHUN 1442 -1443H / 2021 - 2022M**

**1. BANDAR SERI BEGAWAN 'A' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | 1. Bolkiah Kem dan Sekitarnya (Yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya)<br>2. Kedai-kedai BSB<br>3. Jalan Residency<br>4. Berek Hospital<br>5. Pusar Ulak<br>6. Jalan Maharaja Lela<br>7. KM 1 Jalan Tutong hingga Simpang Istana Darul Hana<br>8. Jalan Sekolah<br>9. Jalan Dato Marsal<br>10. Workshop JKR<br>11. Jalan Lintang<br>12. Jalan Simpang Sekolah<br>13. Jalan Padang<br>14. Jalan Dato Taib<br>15. Jalan Dato Isa<br>16. Jalan Tasek<br>17. Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel<br>18. Jalan Stoney<br>19. Jalan Dato Ibrahim<br>20. Jalan Istana Darussalam<br>21. Kampung Kianggeh dan sekitarnya | Awg. Zulkifli bin Haji Murat (Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien)<br>Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang<br>Yang Mulia Begawan Mudim Awang Haji Matassim bin Haji Metussin<br>Yang Mulia, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh<br>Awg. Khairul Ariffin bin Haji Yusof (Imam Tingkat I)<br>Awg. Mohammad Hasnal bin Hj. Mohammad<br>(Imam Tingkat II)<br>Haji Hamdini bin Haji Gharif (Imam Tingkat III)<br>Awg. Haji Muhammad Firdaus bin Haji Idris<br>Awg Muhammad Shahran bin Mohd Salleh<br>Awg Saiful Rizam bin Ariffin | Masjid Omar 'Ali Saifuddien |
| 2. | 1. Istana Edinburgh<br>2. Jalan Perayaan<br>3. Jalan Merdeka<br>4. Jalan Bahagia<br>5. Jalan Rakis<br>6. Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan Airport Lama<br>7. Jalan Telepok<br>8. Jalan Melabau<br>9. Jalan Temanggong<br>10. Dari simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong<br>11. Jalan Kumbang Pasang<br>12. Jalan Ong Sum Ping<br>13. Jalan Jawatan Dalam<br>14. Jalan Mabohai | Haji Muhd Izzat Izzuddin bin BPKDP Haji Emran (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Md. Syariff Wafiuddin bin Jemain @ Jamain (Bilal Tkt II Masjid Ash-Shaliheen, JPM, Kg. Kumbang Pasang. | Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri, Kg. Kumbang Pasang |
| 3. | Balai Bomba Bandar Seri Begawan Brunei (Khas untuk Pegawai dan Kakitangan serta keluarganya) | Ustaz Awang Othman bin Asat (Ketua Guru Ugama Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat)<br>Awg. Lamat bin Haji Lamit (Pegawai Balai Bomba dan Penyelamat) | Surau Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei. |

**2. BANDAR SERI BEGAWAN 'B' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampung Sungai Kebun | Haji Julazni bin Haji Zaini (Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awg. Haji Abu Samah Shukri bin Haji Md. Hussein (Imam Tkt. II Masjid Al-Muhtadee Billah)<br>Md. Hanif bin Haji Khamis (Merbut) | Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun |
| 2. | Kampung Peramu<br>Kampung Lurong Sikuna<br>Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda 'A' dan 'B'<br>Kampung Bakut Berumput | Awg. Haji Lalim bin Haji Matjair (Pmk. Imam Balai Ibadat Kg. Peramu)<br>Asmadi bin Haji Matussop (Pmk Bilal Balai Ibadat Kg. Peramu) | Balai Ibadat Kampung Peramu |
| 3. | a) Kampung Saba Darat 'A' dan 'B'<br>b) Kampung Saba Laut<br>c) Kampung Saba Tengah<br>d) Kampung Saba Ujong<br>e) Kampung Pekilong Muara<br>f) Kampung Setia Pahlawan | Md. Sahrin bin Haji Md. Noor (Imam Tingkat II Balai Ibadat Mukim Saba)<br>Md. Assyukri bin Asnan (Pmk. Bilal Balai Ibadat Mukim Saba) | Balai Ibadat Mukim Saba |
| 4. | a) Kampung Setia 'A' dan 'B'<br>b) Kampung Lupak Luas<br>c) Kampung Tarap Bau dan kawasan sekitarnya | Awang Sh'minan bin Awang Hj. Sulaiman (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awang Haji Hassan bin Haji Lusin (Imam Tkt II Masjid PW Haji Muhammad) | Masjid Perdana Wangsa Haji Muhammad, Kampung Setia |
| 5. | a) Kampung Sungai Siamas | Awang Haji Bakir bin Haji Mahmud (Pmk. Imam Balai Ibadat Nur Taqwa) | Balai Ibadat Nur Taqwa, Kg. Sungai Siamas |

Ke muka III

# Zakat Fitrah Bagi Tahun 1442H Bersamaan 2021M

Dari muka II

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 6 | a) Kampung Bolkiah A<br>b) Kampung Bolkiah B | Awg Muhammad Afif bin DSS Dr Haji Japar (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awg Muhammad bin Rusdin (Bilal Tkt II) | Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A' |
| | | Awang Haji Shamsudin bin Haji Maidin (Ketua Kampung Bolkiah 'B') | Rumah Amil |
| 7. | a) Kampung Burong Pingai Ayer<br>b) Kampung Sg. Asam | Mohammad Salleh bin Haji Abd. Rahman (Pmk. Imam / Bilal Tingkat II)<br>Mohammad Asrol bin Haji Abd Rashid (Merbut / Pmk. Bilal Masjid PDI Haji Mokti) | Masjid Pehin Datu Imam Haji Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer |
| 8. | a) Kampung Sungai Pandan 'A' dan 'B' | Awg. Bahrom bin Pengarah Haji Abdullah Sunny (Pmk. Imam / Bilal Tkt II)<br>Haji Mohd. Sastri bin Haji Azahari (Pmk Bilal Balai Ibadat Kg. Sg. Pandan) | Balai Ibadat Kampung Sungai Pandan |
| 9. | Kampung Tamoi :<br>a) Kampung Pengiran Bendahara Lama<br>b) Kampung Pengiran Tajuddin Hitam<br>c) Kampung Tamoi Tengah<br>d) Kampung Tamoi Ujong<br>e) Kampung Pengiran Kerma Indera Lama | Awang Faizal bin Janif @Rosli (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Ainul Yaqeen bin Markandi (Imam TIngkat III)<br>Md. Sahran bin Haji Mohd. Safar (Bilal Tkt II) | Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Kampung Tamoi |

**3. BANDAR SERI BEGAWAN 'C' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | a) Istana Nurul Iman<br>b) Istana Darul Hana dan sekitarnya<br>c) Hijau Baiduri<br>d) Kampung Bandong | Yang Dimuliakan, Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Omar | Surau Istana Darul Hana |
| 2. | a) Simpang Istana Nurul Iman hingga ke Kilometer 6, Jalan Tutong<br>b) Kampung Telanai<br>c) Kampung Madewa<br>d) Kampung Bunut Kilometer 8, Jalan Tutong<br>e)Kampung Tasek Meradun | Awang Haji Sahri bin Awang Murat (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awang Haji Sabtu bin Haji Abdullah (Imam Tkt II Masjid Kampung Bunut) | Masjid Kg. Bunut |

**4. BANDAR SERI BEGAWAN 'D' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | a) Polis Diraja Kawasan Gadong dan kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong)<br>b) Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei dan Muara dan keluarga mereka sahaja). | A/ Sarjan 6472 Haji Md. Yusri bin Haji Abu Bakar (Imam I Surau Polis Gadong)<br>L/Cprl 6114 Ahmad Zawawi bin Pengarah Hj. Ibrahim (Imam II Surau Polis Gadong)<br>APO 6371 Amp. Hairol Azly bin Amp. Hj. Idris (Bilal Surau Polis Gadong) | Surau Polis Gadong |
| 2. | Kawasan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah :<br>a) Kampung Kiarong<br>b) Kampung Kiulap<br>c) Kawasan Pengkalan Gadong<br>d) Kawasan Berek Elektrik dan sekitarnya<br>e) Kawasan Maktab Duli Pg. Muda Al-Muhtadee Billah | Awang Haris bin Haji Suboh (Pegawai Ugama Kanan)<br>Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awg Haji Mustafa bin Haji Murat<br>Yang Dimuliakan, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awg. Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz<br>Yang Mulia Mudim Awg. Haji Abdul Latif bin Haji Saman<br>Awg. Abdul Aziz bin Haji Abdullah (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Ak. Ahmad Faris Ramadhani bin Pg. Haji Selahuddin (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Ak. Ahmad Syafiq bin Haji Osman (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong |
| 3. | Kawasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha | Ustaz Haji Awang Nor Asilin bin Haji Awg. Puting (Guru Ugama)<br>Ustaz Mohd. Khaironisa bin Haji Mohd. Zainin (Guru Ugama) | Surau Nuuril 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha |
| 4. | Kampung Mata-Mata, Gadong | Awang Haji Isa bin Haji Saban (Imam Tkt III Balai Ibadat Kampung Mata-Mata)<br>Awang Jamal bin Munab (Bilal Tkt I Balai Ibadat Kampung Mata-Mata) | Balai Ibadat Kg. Mata-Mata Gadong |
| 5. | Kampung Beribi | Awang Abdul Hanif bin Haji Salim (Imam Tkt II Masjid Kampung Beribi)<br>Muhammad Fakhri bin Haji Awang Damit (Bilal Tkt II Masjid Kampung Beribi) | Masjid Kampung Beribi |
| 6. | # Kawasan Polis Kawalan Diraja, Beribi (Khas untuk Pasukan Polis Diraja Brunei dan keluarga sahaja. | PC 6474 Ak. Mohamad Abdul Haffis bin Pg. Rosdeeafandi<br>APO KPL 6022 Haji Moksin bin Haji Tasat | Surau Polis Kawalan Diraja, Beribi |

**5. BANDAR SERI BEGAWAN 'E' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | a) Kampung Subok<br>b) Kampung Belimbing | Pg. Mohd Akbar bin Pg. Haji Mohd Sabri (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awang Norijal bin Haji Sisa / Judin (Imam Tkt IV Masjid Kampung Belimbing, Subok) | Masjid Kampung Belimbing, Subok |
| 2. | Kawasan Masjid Kampung Pintu Malim :<br>a) Kampung Pintu Malim<br>b) Kampung Sungai Lampai<br>c) Kampung Kota Batu | Awg. Haji Md. Azrol Alim bin Haji Md. Zaini (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Muhammad Abdul Azim bin Haji Md Zaini (Imam Tkt III)<br>Haji Md. Rajeh bin Hj. Muntol (Bilal Tkt I Masjid Kampung Pintu Malim) | Masjid Kampung Pintu Malim |
| 3. | a) Kampung Pelambayan<br>b) Kampung Dato Gandi | *Haji Mohammad Ali Taufiq bin Haji Abd. Rahman (Imam Tkt I Masjid Kampung Pelambayan)<br>*Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Puteh (Bilal Tkt I Masjid Kampung Pelambayan) | Masjid Kampung Pelambayan |

**6. BANDAR SERI BEGAWAN 'F' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bolkiah Kem (Khas untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja) | Awg. Suhif bin Haji Abdullah (Imam Surau)<br>Awg. Zulfadli bin Haji Awang (Imam Surau)<br>19036 LKpl. Mohd Zulilmi bin Hj. Julahia | Surau Ad-Difa', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Kem |
| 2. | a) Kampung Perpindahan Berakas<br>b) Kampung Jaya Bakti<br>c) Kampung Jaya Setia<br>d) Kampung Burong Pingai Berakas | Md. Zulfadhli bin Hj. Abd. Rahman (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Hj. Md. Zahid bin Hj. Mohd. Zain (Imam Tkt III Masjid Sufri Bolkiah)<br>*Muhd Faiz @Ahmad Izz bin Mahdini (Merbut) | Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas |
| 3. | Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas | Haji Mohd Ashraf bin Haji Bujang (Imam Tkt III)<br>*Ahmad Rahmat bin Haji Metarsat (Pelapis Bilal) | Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas |
| 4. | a) Kampung Serusop, termasuk kawasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan<br>b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya<br>c) Kampung Pancha Delima | Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Haji Jofri bin Hj. Abidin (Imam Tkt II Masjid Mohammad Bolkiah) | Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop |
| 5. | a) Kawasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan sekitarnya<br>b) Kampung Delima Satu<br>c) Kampung Delima Dua | Mohd. Helmy bin Hj. Jamil (Imam Tkt III Surau MTSSR, Jalan Muara) | Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara |
| 6. | a) Kampung Anggerek Desa<br>b) Kampung Pulaie<br>c) Kampung Orang Kaya Besar Imas | Awg Mohd Zakaria bin Haji Mohd Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib (Imam Tkt II Masjid Kg. Pulaie)<br>Mohd Alihan bin Abu Samah (Merbut) | Masjid Kampung Pulaie |
| 7. | a) Kampung Madang<br>b) Kampung Manggis Satu<br>c) Kampung Manggis Dua | Awg Nuzli bin Haji Jumat (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Muhammad Khaizuran Amal bin Haji Kamsani (Imam Tkt III)<br>Awg Razman bin Ramlee (Bilal Tkt I)<br>*Awg Tahir bin Haji Mohd Safar (Merbut) | Masjid Suri Seri Begawan Duli Raja Pg. Anak Damit, Kampung Madang |

Ke muka IV

# Zakat Fitrah Bagi Tahun 1442H Bersamaan 2021M

Dari muka III

## KAWASAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TAHUN 1442-1443H / 2021-2022M

**KAWASAN ZON 'I' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | a) Kampung Menunggol<br>b) Kampung Riong<br>a) Kampung Gadong Batu | Hj. Mazlan bin Hj. Maimon (Pmk. Imam Tkt II Masjid Kampung Menunggol)<br>Mohd. Wardi bin Yusuf (Pmk. Bilal Masjid Kampung Menunggol) | Masjid Kampung Menunggol |
| 2. | a) Kampung Serdang<br>b) Kampung Sungai Belukut<br>a) Kampung Sungai Matan | *Haji Mohamad Khairul Azmy bin Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Pg. Hj. Rusman bin Pg. Hj. Shahbudin (Imam Tkt II Masjid Kg Serdang)<br>Haji Moksin bin Haji Mokti (Bilal Tkt II, Masjid Kg. Serdang)<br>*Ak Mohd Al-Husna @Ak Isani bin Pg. Haji Ghani (Merbut) | Masjid Kampung Serdang |
| 3. | Kampung Pudak | Awang Sani bin Haji Sahat (Bilal Tkt I / Pmk. Imam Masjid Kg. Pudak)<br>Md. Sallehuddin bin Sahat (Pmk. Bilal Masjid Kg Pudak) | Masjid Kampung Pudak |
| 4. | a) Kampung Sungai Bunga<br>b) Kampung Pulau Baru-Baru | Pg. Md. Fadzillah bin Pg. Mahmud (Imam Tkt III Masjid Kg. Sungai Bunga)<br>*Abdul Wafi bin Ismail (Bilal Tkt II Masjid Kg. Sungai Bunga) | Masjid Kampung Sungai Bunga |
| 5. | Kampung Sungai Besar | Hj. Hanafiah bin Hj. Mahmud (Imam Tkt I Masjid Kg. Sg. Besar)<br>*Ak Hassan Basri bin Pg Haji Ismail (Imam Tkt III Masjid Kg. Sg Bunga) | Masjid Kampung Sungai Besar |
| 6. | RPN Kampung Mentiri | Hj Samsul bin Hj. Abd. Latif (Imam Tkt II Masjid RPN Kg. Mentiri)<br>Awg. Muhammad Abdul Salam bin Salim (Imam Tkt IV Masjid RPN Kg. Mentiri) | Masjid Hassanal Bolkiah RPN Kampung Mentiri |
| 7. | Kampung Mentiri | Haji Sanip bin Haji Nasar (Imam Tkt III Masjid Kg. Mentiri)<br>Pg. Md. Al-Hukman @ Pg. Md. Hanafi bin Pg. Hj. Md. Sabri (Bilal Tkt II Masjid Kg. Mentiri) | Masjid Kampung Mentiri |
| 8. | Kampung Batu Marang | Saiful Rizal bin Hj. Abdul Gaffar (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Md. Shahrine Hadiman bin Hj. Sahari (Imam Tkt IV Masjid Kampung Batu Marang) | Masjid Kampung Batu Marang |
| 9. | Kampung Sungai Buloh | Hj. Khairul Amilin bin Haji Salleh Mohammad (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Pg. Haji Md. Lizam bin Pg. Haji Merali (Imam Tkt III Masjid Kg. Sungai Buloh) | Masjid Kampung Sungai Buloh |

**KAWASAN ZON 'II' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Pangkalan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Kampung Rimba | Imam Muhammad Hazman bin Hj. Mohd. Hairol Azme<br>Awang Yazid bin Awang Haji Johari (Bilal Surau Al-Barakah)<br>11307 PW2 Haji Shaipin bin Haji Abu Bakar<br>18032 Kpl Nazirul bin Haji Asmat | Surau Al-Barakah Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei Kampung Rimba |
| 2. | a) Kampung Rimba<br>b) STKRJ Kampung Rimba<br>c) Kawasan 2, RPN Kampung Rimba<br>d) Kawasan 4, RPN Kampung Rimba | Awg. Mohamad Adham bin Hashim (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Ak Muhd Nur Firdaus bin Pg Haji Metussin (Imam Tkt III)<br>Haji Sudirman bin Haji Metussin (Bilal Tkt I) | Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, STKRJ Kampung Rimba |
| 3. | a) Kampung Tungku<br>b) Kampung Katok<br>c) STKRJ Kampung Tungku | Awang Morni bin Hj. Nayan (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Muhd. Hijrajul Nizam @Mashud bin Alawi (Imam Tkt II)<br>Bahrin bin Hj. Abd. Rahim (Merbut Masjid PMAM Kampung Tungku Katok) | Masjid Pg. Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok |
| 4. | a) Kampung Perpindahan Mata-Mata<br>b) STKRJ Kampung Katok 'B' | Awg. Anuar bin Haji Salim (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Abd. Azim bin Haji Ismail (Bilal Tkt II Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata)<br>Awg. Sahuali bin Haji Madun (Merbut) | Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata |
| 5. | Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan sekitarnya | Awg. Mohammad bin Haji Bagol (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Mohd. Amirul Rahmad bin Haji Mohammad (Imam Tkt III) | Masjid Universiti Brunei Darussalam |
| 6. | Kawasan Masjid Kampung Lambak :<br>a) Kampung Lambak 'A'<br>b) Kampung Lambak 'B' | Haji Mahrof bin Hj. Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awg. Haji Md Ramlee bin Haji Ladis (Imam Tkt II)<br>Haji Md. Sidek bin Hj. Abd. Karim (Bilal Tkt II Masjid Kg. Lambak) | Masjid Kampung Lambak |
| 7. | Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri | Pg. Haji Md. Salleh bin Pg. Haji Zakaria (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awang Haji Haji bin Haji Abd. Rahman (Imam Tkt II Masjid STKRJ, Kg. Lambak Kiri)<br>*Muhammad Wafiuddin bin Muhammad Wajeeh (Imam Tkt III Masjid STKRJ Kg. Lambak Kiri) | Masjid STKRJ, Kampung Lambak Kiri |
| 8. | Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan | Pg. Haji Md Hafizuddin bin Pg. Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Haji Azmir bin Haji Amit (Imam Tkt II)<br>Aminoorahim bin Abd. Amin (Merbut Masjid RPN Kg. Lambak Kanan) | Masjid RPN Kampung Lambak Kanan |
| 9. | Perkhemahan Berakas Tentera Darat Diraja Brunei | 15993 BK Johary bin Haji Md. Salleh<br>50731 Sld Manan bin Othman | Surau Al-Fa'izun, Berakas Kem |
| 10. | a) Kampung Sungai Hanching<br>b) Kampung Sungai Tilong<br>c) Kawalan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara Diraja, Jalan Muara | Haji Abd. Malik bin Haji Jumat (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Mohd. Omar Afiq Hasyir bin Haji Ismail (Bilal Tkt II) | Masjid Kampung Sungai Hanching |
| 11. | Kampung Sungai Akar dan sekitarnya | Awg. Abdul Razak bin Samat (Imam Tkt I)<br>Muhammad Arif bin Haji Johari (Imam Tkt I) | Masjid Rashidah Sa'adul Bolkiah, Kampung Sungai Akar |
| 12. | Kawasan Perkhemahan Simpanan Gurkha, Sungai Akar (khas untuk kakitangan pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | Ustaz Muhammad Abdussalam bin Haji Johari | Surau Perkhemahan Pasukan Simpanan Gurkha, Kampung Sungai Akar |
| 13. | Kawasan Perkhemahan Gurkha, Royal Guard (khas untuk kakitangan pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | 19857 Lkpl Mohd Almi Shahrani bin Haji Aluis<br>50729 Lkpl Mohammad Syafiq Syahmi bin Ibrahim | Jabatan Agama ABDB |
| 14. | Kampung Salambigar dan sekitarnya | Haji Masrolazami bin Haji Abdullah (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Haji Abdul Halim bin Haji Bungsu (Imam Tkt II Masjid Kg. Salambigar)<br>*Mas Isaeirwandy bin Hj. Rabaha (Merbut) | Masjid Kampung Salambigar |
| 15. | a) Kampung Tanah Jambu<br>b) Kampung Salar<br>c) STKRJ Kampung Sungai Buloh | Muhd. Saifullah bin Rosli (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>*Ahmad Bukhari bin Haji Bujang (Imam Tkt III)<br>Sofian bin Haji Abdul Kahar (Merbut) | Masjid Kampung Tanah Jambu |

Ke muka V

# Zakat Fitrah Bagi Tahun 1442H Bersamaan 2021M

Dari muka IV

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 16. | a) Kawasan Akademi Pertahanan, Tanah Jambu (khas untuk kakitangan pasukan ABDB serta keluarga sahaja) | Mohd. Khairol Azmi bin Hj. Salleh (Imam Surau Asy-Syuhada)<br>*Ustaz Nazir Saufi bin Hassan<br>17052 Kpl Sahrul Al Hasri bin Hamzah | Surau Asy-Syuhada Tanah Jambu |
| 17. | Kampung Kapok | Md. Raffi bin Duming (Imam Tkt I Masjid Kg. Kapok)<br>Haji Shahbirin bin Hj. Mohd. Noor (Imam Tkt II Masjid Kg. Kapok)<br>Hj. Mohd. Afdzillah bin Hj. Mohd. Yussof (Imam Tkt III Masjid Kg. Kapok) | Masjid Kampung Kapok |
| 18. | Muara :<br>a) Kampung Sabun<br>b) Kampung Serasa<br>c) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjong Pelumpong<br>d) Kawasan Balai Polis Muara<br>e) Kawasan Balai Bomba Muara<br>f) Kampung Masjid Lama | Awang Nasehin bin Yahya (Pegawai Hal Ehwal Masjid)<br>Awang Rosli bin Haji Ladis (Imam Tkt III Masjid Setia Ali, Muara)<br>Md. Faisal bin Awg. Fauzi (Bilal Tkt II Masjid Setia Ali, Muara) | Masjid Setia Ali, Pekan Muara |
| 19. | Kampung Perpindahan Serasa Muara | Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkifilee (Pegawai Hal Ehwal Masjid) | Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara |
| 20. | Kawasan Tentera Laut Diraja Brunei Perkhemahan Muara (Untuk TLDB dan keluarga mereka sahaja) | Awang Faidil Rosemady bin Mohamad (Imam Surau TLDB, Muara Kem)<br>Awg. Abdullah bin Mahari (Bilal Surau Al-Huda) | Surau Al-Huda, Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei, Muara Kem |
| 21. | a) Kawasan Pulau Muara Besar (khas untuk kakitangan / pekerja Pulau Muara Besar) | *Ak. Khairul Alimin bin Pg. Hj. Osman (Pelapis Imam Surau Pelabuhan Muara Besar)<br>*Mohammad Hamirul Hashim bin Haji Hassan (Pelapis Imam Surau Pelabuhan Muara Besar)<br>*Mohammad Fazli bin Haji Zulkifli (Pelapis Imam Surau Pelabuhan Muara Besar)<br>*Muhammad Aminuddin bin Haji Yusof (Pelapis Bilal Surau Pelabuhan Muara Besar) | Surau Pelabuhan Muara Besar |

**KAWASAN ZON 'III' mengandungi :**

| BIL. | KAWASAN | NAMA AMIL | TEMPAT MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
Tambahan lagi, untuk meluaskan dan memperkembangkan kemahiran ketenteraan anggota JAMA'AT, beberapa pegawai dan anggota dipilih dan diberi peluang untuk mengikuti misi-misi antarabangsa United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL), International Monitoring Team (IMT) di Mindanao Filipina, misi bantuan mangsa Tsunami Takloban di Republik Filipina dan deploimen jarak jauh bersama kapal-kapal TLDB.

Sebagai langkah ke hadapan, Kementerian Pertahanan dan ABDB tetap komited sepenuhnya untuk membangun dan meningkatkan kemampuan kerohanian anggota ABDB menuju ke arah tentera yang mantap dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat.

Demi tujuan ini, JAMA'AT, sebagai komponen keagamaan utama di ABDB akan terus berusaha dan mempertingkatkan pelaksanaan kerohanian agama dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan dan anggota ABDB.




# منجاك ديري درڤد ملاكوكن ڤركارا مذمومه دان سيا٢

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دڠن سبنر-بنر تقوى يايت دڠن منيڠݢلكن كإيمانن كڤداڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاءيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ، برأوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

بولن رمضان اداله بولن يڠ سنتياس دتوڠݢو-توڠݢو اوله سكالين أومة إسلام. بولن اين ممڤوڽاءي كلبيهن يڠ ساڠة بسر بربنديڠ بولن٢ يڠ لاين. سباݢيمان يڠ كيت معلوم بهوا بولن رمضان اداله بولن عبادة. يايت بولن باݢي مليڤت ݢنداكن عمل عبادة كيت كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى .

اوله يڠ دمكين، أمة برأونتوڠله اورڠ٢ يڠ مربوت كنجارن يڠ تله دجنجيكن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان أمتله روڬي باݢي اورڠ٢ يڠ منسيا-سياكنڽ. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

**مقصودڽ:**

**سسياڤ يڠ منكڤكن (برعبادة) رمضان كران إيمان كڤد الله دان مڠهارڤكن ڤهلا (هاڽ درين)، مك اكن دأمڤوني دوسا٢ڽ يڠ تله لالو. {حديث رواية إمام بخاري}**

سسڠݢوهڽ ڤواس اداله ڤريساي دري عذاب أڤي نراك. ڤواس جوݢ مروڤاكن بينتيڠ يڠ مڠهالڠ ديري كيت درڤد ملاكوكن ڤركارا٢ يڠ كجي دان منكر. ڤرلو دكتهوي، بهوا عبادة ڤواس ايت سلاين مناهن ديري كيت درڤد ڤركارا٢ يڠ ممبطلكن ڤواس سڤرت ماكن، مينوم دان سأومڤماڽ. ڤواس جوݢ برڤرانن مناهن ديري كيت درڤد ملاكوكن ڤركارا٢ بوروق دان سيا٢. اين كران كيت تيدق ماهوعبادة ڤواس يڠ تله دكرجاكن ايت هاڽ سقدر منداڤة لاڤر دان دهاݢا سمات-مات. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

**رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ**

**مقصودڽ:**

**براڤ رامي اورڠ يڠ برڤواس تيدق منداڤتكن ڤهلاڽ سلاين لاڤر، دان براڤ رامي اورڠ يڠ سمبهيڠ مالم تيدق منداڤتكن ڤهلا سلاين برجاݢ سڤنجڠ مالم. {حديث رواية إمام إبن ماجه}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

عبادة ڤواس بوكنله هاڽ سقدر مڠاول كهندق نفسو شهواة سمات-مات بهكن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ممرينتهكن كيت سڤاي منجاݢ أڠݢوتا٢ بدان كيت دري ملاكوكن ڤركارا٢ يڠ تيدق بايك (مَذْمُومَة) دان سيا٢. اين كران اي بوله مروسقكن دان مڠورڠكن ڤهلا عبادة ڤواس.

اوله ايت، باݢي مراية كسمڤورنأن عبادة ڤواس، ترداڤة اداب٢ يڠ ڤرلو دجاݢ كتيك منجالني عبادة ڤواس، انتاراڽ:

**ڤرتام:** مڠاول دان منوتوڤ ڤنداڠن مات دري مليهت ڤركارا٢ يڠ دحرامكن اوله شرع دان دري مليهت ڤركارا٢ يڠ بوله ملاليكن هاتي دري مڠيڠاتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

**كدوا:** منوتوڤ تليڠا دري مندڠر ڤركارا٢ يڠ دحرامكن سڤاي تيدق ترݢولوڠ كدالم ݢولوڠن اورڠ٢ يڠ سوك مندڠر بريتا بوهوڠ دان سيا٢.

**كتيݢ:** منجاݢ ليده دري مڠلواركن كات٢ يڠ تيدق برفائده سڤرت بربوال كوسوڠ، لبه٢ لاݢي كيت سموا دتنتوت سڤاي منجاݢ ليده دري مڠلواركن كات٢ يڠ دحرامكن سڤرت مڠومڤة، بردوستا، ممبياركن فتنه دان سأومڤماڽ.

دزمان إيرا تيكنولوݢي معلومة اين، ڤرانن دان ڤڠاروه ليده ايت اداله لبه ملواس يايت ملالوءي تيليفون، مديا ماس دان مديا بهارو. ڤرلو دايڠة، بهوا كيت هندقله برتڠݢوڠجواب كأتس ستيڤ بريتا اتوڤون معلومة يڠ هندق كيت توليس، سمڤيكن اتوڤون سيباركن دڠن ممستيكن بهوا بريتا دان معلومة ايت اداله بنر دان صحيح.

إمام الغزالي رحمه الله تعالى بركات بهوا ليده مأنسي ايت اداله بندا يڠ ڤاليڠ تاجم ددنيا كران ملالوءي ليده، مأنسي دڠن مودهڽ بوله مڽاكيتي هاتي دان ملوكاءي ڤراسأن سوداراڽ سنديري. اوله يڠ دمكين، ليده إيت سكيراڽ دݢوناكن كأره كبايكن مك اكن بايكله جاديڽ اكن تتاڤي جك ليده ايت دݢوناكن كأره كجاهتن مك جاهتله جاديڽ.

أكام إسلام اد مڠاجركن كڤد كيت مڠنداءي قاعده انتوق مميليهارا ليده دري ڤركارا يڠ منداتڠكن دوسا يايت اڤبيل سسئورڠ ايت هندق بركات-كات اتو ممبريكن تݢورن مك هندقله إي برڤيكير. بيلا تربات تيدق اد بهيا أتس ڤركتأن يڠ اكن دأوچڤكن ايت مك بركاتله. اكن تتاڤي بيلا مان تربات سباليقڽ، مك ديامله. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:**

**مقصودڽ:**

**بارڠ سياڤ برإيمان كڤد الله دان هاري أخير، هندقله اي بركات بايك اتو ديام. {حديث رواية إمام بخاري}**

دالم كهيدوڤن اين، كيت ڤرلو منجاݢ دوا هوبوڠن يايت **حَبْلٌ مِنَ اللهِ** (هوبوڠن دڠن الله) دان **حَبْلٌ مِنَ النَّاس** (هوبوڠن دڠن مأنسي). جوسترو، جاڠن سمڤي ليده ايت مميبكن كرتقكن دان كرڠݢڠن هوبوڠن صلة الرحم، ڤرسليسيهن اڤته لاݢي منيمبولكن دندم دان ڤرموسوهن.

**كأمڤة:** مميليهارا سلوروه أڠݢوتا يڠ لاين سڤرت تاڠن، كاكي دان سباݢيڽ دري ملاكوكن ڤركارا٢ يڠ حرام دان تيدق برفائده.

جماعه يڠ درحمتي الله،

عبادة ڤواس بولن رمضان مروڤاكن ساله ساتو دري روكون إسلام يڠ ليم دان واجب دتونيكن. سباݢي أومة إسلام، كيت هندقله سنتياس منجاݢ دان مميليهارا كسمڤورنأنڽ دڠن سنتياس منجاݢ ديري درڤد ملاكوكن ڤركارا٢ مذمومه دان سيا٢.

أخيرڽ، كيت بردعاء كڤد الله سبحانه وتعالى مدهمداهن عبادة ڤواس يڠ كيت كرجاكن دسڤنجڠ بولن رمضان اين دتريما دان منداڤة كنجارن درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان سموݢ كيت تيدق ترݢولوڠ دالم ݢولوڠن اورڠ برڤواس يڠ هاڽ منداڤة لاڤر دان دهاݢ سهاج. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان سسياڤ يڠ مڠهندقكي (كبهاݢيأن هيدوڤ) أخيرة دان برأوسها (مڠرجاكن عمل كباجيقن) انتوق (توجوان) ايت دڠن أوسها يڠ برسڠݢوه-سڠݢوه سدڠ اي برإيمان مك مريك ايتله يڠ أوسها مريك دكرنياكن كنجارن يڠ بايك (دبري ڤهلا). {سورة الإسراء أية: ١٩}**

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

# IMBASAN MINGGUAN

**SEBAHAGIAN daripada peserta Majlis Tadarus bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi . - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.**





**SEORANG murid Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak ketika didekati oleh seorang guru semasa Projek Menabung Sekolah-Sekolah PGGMB Tahun Pertama 2021. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.**






**SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim, Warga Kurang Berkemampuan dan Warga Emas yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Kapok, Mukim Serasa. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.**

**WAJAH gembira sejurus menaiki pesawat RB, Boeing 787 Dreamliner bagi Majlis Bersungkai. Ia adalah sempena Majlis Bersungkai dan Penyampaian Sumbangan Derma berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB). - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Nikman.**



**SEBAHAGIAN daripada rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung di Masjid Kampung Pulaie. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

# LENSA Pelajar

Sekolah Arab Belait



# Hari 'EMS-Zing'

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Sekolah Arab Belait

**SAMBUTAN** Hari Buku Sedunia diisytiharkan setiap 23 April setiap tahun oleh UNESCO (United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization), di mana lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia meraikan sambutan tersebut. Ia disambut bagi memberi galakkan kepada kanak-kanak untuk menerokai dan menikmati keseronokan membaca buku dengan menyediakan ruang serta peluang bagi memiliki sebuah buku sendiri.

Dalam hubungan ini, ruangan Lensa Pelajar pada keluaran kali ini membawa kita mendekati ke Sekolah Arab Belait yang terletak di Daerah Belait. Sekolah ini mengetengahkan aktiviti Hari 'EMS-Zing' yang diadakan selama setengah hari di Dewan Serbaguna, Sekolah Arab Belait pada Rabu, 10 Mac 2021 yang lalu. Perkataan EMS adalah gabungan huruf E yang diambil dari 'English', M dari 'Mathematics' dan S dari 'Science', manakala Zing diambil dari perkataan 'AmaZING'. Maka terciptalah nama aktiviti EMS-Zing yang diadakan bersempena dengan Hari Buku Sedunia.

Aktiviti Hari 'EMS-Zing' merupakan salah satu program tahunan anjuran bersama Jabatan Bahasa Inggeris, Jabatan Matematik dan Jabatan Sains sekolah arab berkenaan yang mana ia telah diadakan selama tiga tahun berturut-turut. Program ini diisikan dengan pelbagai aktiviti yang berunsurkan mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang melibatkan pelajar Tahun 5 hingga 8, guru-guru dan kakitangan sekolah tersebut.

Ia juga bertujuan untuk memberikan motivasi dan meningkatkan lagi kemahiran pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, memandangkan mata pelajaran-mata pelajaran berkenaan merupakan subjek teras.

Antara lain tujuan aktiviti 'EMS-Zing' itu diadakan iaitu bagi menggalakkan tabiat membaca di kalangan pelajar dan memberi peluang mereka untuk mempamerkan kreativiti masing-masing melalui penyertaan pertandingan-pertandingan yang diadakan. Di samping untuk memberi pendedahan kepada pelajar yang berunsurkan mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains melalui aktiviti di luar bilik darjah dengan menarik lagi mencabar. Hari 'EMS-Zing' ini pastinya diharapkan akan dapat memberikan peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dan berkomunikasi dan seterusnya meningkatkan lagi pelbagai kemahiran para pelajar terutama sekali dalam kemahiran berkomunikasi, berfikiran secara kritis dan kreatif. Ia juga diharapkan akan dapat dijadikan sebagai sebuah projek tahunan Sekolah Arab Belait yang mampu menarik minat para pelajarnya terutama sekali di dalam tiga mata pelajaran berkenaan.








Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Dayang Alya Najdah Dr. Haji Norarfan



# Pengalaman pertama Ramadan di perantauan

**KEMERIAHAN** sambutan Ramadan pada masa kini agak berbeza seiring dengan peredaran dan perubahan teknologi dan waktu. Berada jauh daripada keluarga bukanlah satu pengalaman yang diimpikan oleh para perantau terutamanya bagi golongan pelajar, namun demi menimba ilmu dan memenuhi harapan keluarga mereka untuk melihat mereka berjaya pada masa hadapan, perasaan tersebut terpaksa dipendamkan.

Menjalani ibadah puasa di perantauan dalam suasana persekitaran budaya berbeza menjadi satu cabaran bagi Dayang Alya Najdah binti Dr. Haji Norarfan,18, apatah lagi ketika dunia bergelut dengan pandemik COVID-19. Pengalaman pertama berjauhan dengan keluarga dan berpuasa di negara asing memberi kesan mendalam namun, beliau masih bersyukur dapat menjalani ibadah puasa di luar negara.

Mahasiswi Tahun Pertama di University of Aberdeen, United Kingdom (UK) yang mengambil Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBChB) seterusnya berkata, mengharungi jangka masa yang lebih lama antara waktu Subuh dan Maghrib merupakan cabaran utama sepanjang Ramadan sekali gus memberikan pengalaman manis dan pahit. Pada masa ini hanya dua orang warga Negara Brunei Darussala (NBD) yang menuntut di Aberdeen termasuk Dayang Alya Najdah sendiri dan mereka berbuka puasa bersama secara bergilir-gilir di kediaman masing-masing.

Menurutnya lagi, jika di NBD, adalah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di negara ini untuk pergi ke masjid bagi menunaikan sembahyang sunat Tarawih dan masyarakat Islam di UK juga seperti lazimnya akan pergi ke masjid-masjid. Berikutan pandemik COVID-19, masjid-masjid di sana hanya beroperasi mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditentukan dan Dayang Alya Najdah memilih untuk menunaikan Solat Sunat Tarawih di tempat sendiri atas sebab keselamatan.

Menyentuh mengenai aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang bulan Ramadan, Dayang Alya Najdah berkata, tidak banyak aktiviti yang dapat dilaksanakan dan beliau hanya akan berada di rumah, membaca Al-Quran dan mengulang kaji untuk menghadapi peperiksaan yang akan datang. Terdapat juga Program Tadabbur yang dilakukan setiap hari Khamis melalui aplikasi Zoom iaitu 'Ihya Ramadhan' yang dipimpin oleh para Pegawai Agama Unit Penuntut-Penuntut (UPP) NBD dan semua pelajar dan pegawai NBD yang berada di UK dipersilakan untuk menyertai program tersebut. Sekiranya bukan kerana wabak COVID-19 ini, mungkin akan ada lebih banyak aktiviti yang dapat dilakukan untuk meraikan bulan Ramadan yang suci ini. Selain itu, beliau juga menyertai aktiviti tahunan iaitu Membaca Al-Quran sempena bulan Ramadan bersama keluarga di Brunei di mana setiap ahli keluarga membaca satu juzuk seorang.

Dalam menjalani sesi pengajian pula, Dayang Alya Najdah mengongsikan, semua pembelajaran diadakan secara dalam talian kecuali kelas kemahiran klinikal. Beliau tiba di Aberdeen pada 3 Januari 2021 dan sepanjang empat bulan yang lalu, hanya mempunyai lima kelas secara *face-to-face* dan malangnya, beliau belum dapat membuat penempatan klinikal kerana wabak tersebut.

Saranan beliau bagi mereka yang baru pernah menjalankan ibadah puasa pada bulan Ramadan di perantauan ketika mereka merasa sukar atau susah ialah untuk berfikir semula tujuan asal mereka berada di sana, iaitu untuk menimba ilmu dan membuat ibu bapa bangga dan semua yang dilakukan adalah demi Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan di kampung halaman melalui panggilan video juga mengurangkan perasaan sukar yang dihadapi, dan yang penting sekali ialah banyakkan berdoa dan sentiasa menguatkan semangat dalam diri masing-masing.



# OPERASI SEPADU BANTERAS JENAYAH, KESALAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu 24 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama agensi penguat kuasa yang lain di negara ini sentiasa cenderung dan aktif dalam menggerakkan keanggotaan serta keahlian mereka dalam tugasan-tugasan pembanterasan, pencegahan dan penahanan ke atas sebarang perilaku dan kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Ini adalah bertujuan bagi menguatkuasakan peruntukan perundangan yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa terjamin akan keamanan dan kesejahteraannya.

Menurut Siaran Akhbar PPDB, satu Operasi Sepadu telah dikendalikan gabungan antara Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan (BSB), Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL) PPDB, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) pada 23 April yang lalu.

Operasi Sepadu tersebut melibatkan seramai 94 pegawai dan anggota yang menumpukan kepada rondaan pencegahan dan juga sekatan jalan raya.

Tumpuan operasi dijalankan di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas, kawasan letak kereta *parking* bertingkat, kawasan Kampung Kianggeh dan letak kereta Jalan Residency.

Hasil daripada operasi berkenaan, beberapa buah kereta dan motosikal telah diambil tindakan oleh pihak JPD atas kesalahan ubahsuai dan lain-lain.

Operasi sedemikian akan terus berjalan secara berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan elemen-elemen yang berbaur jenayah ataupun yang berkaitan dengannya akan sentiasa dibendung, dibanteras dan diambil tindakan dengan sewajarnya.



**ANTARA lokasi yang menjadi tumpuan operasi.**



**OPERASI Sepadu tersebut melibatkan seramai 94 pegawai dan anggota yang menumpukan kepada rondaan pencegahan dan juga sekatan jalan raya.**

# Ketengahkan isu masalah pendengaran akibat bunyi bising



**KONSULTAN ORL, Dangerous Decibel Educator, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Norsuhazenah binti Pengiran Suhaili; Pegawai Audiologis Kanan dan Timbalan Ketua Audiology & Teacher of Hearing Impaired, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Noor Anniza binti Hamzah; dan Inspector (Non-Industry Sector), Safety Health and Environment National Authority (SHENA), Awang Zaharuddin bin Haji Abdul Rahman.**

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Sabtu, 24 April. - Badan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan masalah pendengaran akan meningkat daripada 466 juta pada tahun 2018, kepada 933 juta pada tahun 2050.

Di samping itu, seramai 1.1 bilion di antara golongan muda (lingkungan umur 10 hingga 30 tahun) berisiko mengalami masalah pendengaran akibat daripada pendedahan kepada bunyi bising semasa menjalani aktiviti rekreasi.

Kerosakan pendengaran yang diakibatkan oleh pendedahan kepada bunyi bising tidak dapat dibaikpulih sediakala, akan tetapi ia boleh dicegah secara awal.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Konsultan ORL, Dangerous Decibel Educator, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Norsuhazenah binti Pengiran Suhaili semasa ditemu bual oleh media pada Hari Terakhir APEC Symposium : Early Hearing Damage Prevention Due to Recreational Noise Exposure in Young People.

Simposium yang berlangsung secara *virtual* selama empat hari itu meliputi pembentangan ceramah daripada beberapa pakar dalam isu tersebut yang mengongsikan hasil kajian dan juga keberkesanan program-program pencegahan yang dapat digunakan oleh perwakilan sebagai penanda aras.

Di samping itu juga, bengkel kolaborasi di antara perwakilan yang hadir menghasilkan beberapa inisiatif dan perancangan strategik yang merangkumi aspek pendidikan, penyelidikan, perkongsian sumber bahan-bahan maklumat, latihan, peraturan (regulation) dalam bunyi bising rekreasi (recreational noise) dan penglibatan agensi berkepentingan serta dana.

Di akhir simposium tersebut, setiap perwakilan memberikan persetujuan terhadap inisiatif dan perancangan yang dirumus bersama yang akan diteruskan di negara masing-masing sebagai usaha sama komuniti badan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) sebagai langkah bersepadu dalam pencegahan kerosakan pendengaran dalam kalangan golongan muda akibat daripada pendedahan kepada bunyi bising ketika menjalani aktiviti rekreasi.

Perwakilan badan APEC adalah terdiri daripada negara Chile, Australia, Negara Brunei Darussalam (NBD), Indonesia, Rusia, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Thailand dan Filipina.

Simposium ini adalah anjuran Institut Kesihatan Awam, negara Chile bersama badan APEC.

Perwakilan dari NBD terdiri daripada Konsultan ORL, Dangerous Decibel Educator, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Norsuhazenah; Pegawai Audiologis Kanan dan Timbalan Ketua Audiology & Teacher of Hearing Impaired, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Noor Anniza binti Hamzah; dan Inspector (Non-Industry Sector), Safety Health and Environment National Authority (SHENA), Awang Zaharuddin bin Haji Abdul Rahman.

Objektif utama simposium berkenaan adalah untuk mengetengahkan isu kerosakan pendengaran akibat pendedahan kepada bunyi bising dalam aktiviti rekreasi dalam kalangan golongan muda kepada perwakilan badan APEC.

Selain untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan perwakilan mengenai strategi bijak, penggubalan polisi dan protokol serta peraturan untuk merancang dan melaksanakan program-program pencegahan masalah pendengaran.

## DARI MAHKAMAH

# Dihukum penjara, sebat akibat Pas Kerja mansuh

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 April. - Mahkamah menjatuhkan hukuman sembilan bulan penjara dan tiga kali sebatan ke atas seorang lelaki warganegara Indonesia akibat Pas Kerja mansuh.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret juga menetapkan hukuman dijalankan bermula 22 April 2021.

Markus Junari (tertuduh), berumur 36 tahun dengan bilangan pasport B0078106 ditangkap di sebuah bilik rumah sewa di Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

Tertuduh melakukan kesalahan di bawah bab 15 (1) Akta Imigresen Penggal 17 dengan pas kerja mansuh selama 1,234 hari.

Dalam pendakwaan yang dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Md. Zul Azri bin Haji Ranee, tertuduh juga merupakan seorang pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan.



BERITA GLOBAL

# BAZAR AIDILFITRI DI MELAKA DIBENAR BEROPERASI HINGGA 2 PAGI

**MELAKA**, 25 April. - Kerajaan negeri Melaka hari ini memberi 'lampu hijau' kepada peniaga bazar Aidilfitri untuk beroperasi hingga pukul 2 pagi bermula hari ini.

Ketua Menterinya, Datuk Seri Sulaiman Md Ali ketika mengumumkan perkara tersebut bagaimanapun mengingatkan penganjur, peniaga dan pengunjung agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam usaha bersama mengekang penularan COVID-19.

Beliau berkata perkara itu diputuskan kerajaan negeri hasil keputusan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jumaat lepas, yang kini membenarkan bazar Aidilfitri di seluruh negara beroperasi hingga pukul 2 pagi berbanding 12 tengah malam, berkuat kuasa semalam.

Sulaiman berkata ketetapan waktu operasi itu juga bergantung kepada keputusan MKN dari semasa ke semasa berdasarkan jumlah penularan kes baharu.

"Jadi ia boleh dibatalkan pada bila-bila masa jika didapati pelanggaran pematuhan SOP atau kes meningkat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bazar Ramadan Mega 2021 di Tapak Dataran MITC di sini malam tadi.

Mengakui khuatir dengan kebenaran penambahan waktu operasi bazar Aidilfitri, Sulaiman menggesa semua pihak mematuhi SOP pada setiap masa memandangkan jumlah kes di Melaka semakin meningkat.

"Bukan saja di bazar (Aidilfitri) tetapi juga di pasar Ramadan kerana saya tidak mahu apa yang berlaku di sesetengah negeri yang terpaksa membatalkan penganjuran akibat peningkatan kes, berlaku juga di Melaka.

"Sebab itu saya tekankan agar penganjur, peniaga dan pengunjung sentiasa menitikberatkan SOP," katanya.

Sementara itu, penganjuran Bazar Ramadan Mega 2021 kali ini disertai 270 peniaga yang telah mendaftarkan diri untuk menjalankan aktiviti perniagaan pada tahun lepas namun terpaksa dibatalkan walaupun sudah membayar deposit.

Kata Sulaiman, dengan penganjuran terbesar di negeri ini, usahawan yang terjejas pada tahun lepas dapat kembali berniaga sekali gus menjana pendapatan yang sebelum ini terjejas akibat pandemik berkenaan. - ©BERNAMA

## Perhilitan Johor rampas 1,070 ekor burung murai

**JOHOR BAHRU**, 25 April. - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor merampas sebanyak 1,070 ekor burung murai yang dipercayai mahu diseludup ke negara jiran dalam operasi di sebuah rumah di Taman Wawasan, Kelapa Sawit, Kulai di sini, Jumaat lepas.

Pengarahnya, Salman Saaban berkata operasi dijalankan melibatkan seramai tujuh pegawai dan anggota pada 7.30 malam.

"Hasil pemeriksaan di premis dan kenderaan yang berada di situ menemukan 70 ekor burung murai batu dan 1,000 ekor burung murai kampung yang dianggarkan bernilai RM66,000.

"Selain itu, beberapa barangan termasuklah kenderaan jenis Toyota Estima yang digunakan, satu unit telefon bimbit dan 74 bakul plastik dirampas," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Salman berkata berikutan penemuan itu, seorang lelaki tempatan berumur 36 tahun telah diperiksa dan diambil keterangan untuk siasatan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Berdasarkan siasatan awal, lelaki terbabit tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah untuk menyimpan hidupan liar tersebut. Dia juga disyaki cuba menyeludup hidupan liar tersebut ke negara jiran.

"Sehubungan itu, satu laporan polis telah dibuat dan barangan kes telah dibawa ke pejabat Perhilitan Bandar Penawar untuk tindakan lanjut," katanya. - ©BERNAMA

## Lelaki ditahan seludup pelbagai haiwan eksotik bernilai lebih RM60,000

**KOTA BHARU**, 25 April. - Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) menahan seorang lelaki kerana disyaki menyeludup masuk pelbagai spesies haiwan eksotik bernilai lebih RM60,000 di Kampung Kebun dekat Pengkalan Kubor, Tumpat, malam tadi.

Pegawai Pemerintah Medan PGA7 Supt Azhari Nusi berkata lelaki tempatan berusia 33 tahun itu ditahan pada 11.30 malam oleh sepasukan anggotanya yang menjalankan rondaan Op Benteng.

"Lelaki itu ditahan ketika berada di dalam sebuah kereta jenis Proton Aeroback. Pemeriksaan yang dilakukan menemukan 80 ekor kura-kura sulcata tortoise bernilai RM 44,000; 12 ekor kura-kura Indian star tortoise (RM 12,000); ular sawa reticulated phyton (RM1,600); tiga ekor tupai red giant flying squirrel (RM1,800) dan cicak black dragon lizard (RM2,400).

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan ialah RM65,800," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, lelaki itu ditahan selepas gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit sah berkaitan haiwan yang dibawa.

"Kesemua haiwan eksotik itu dipercayai diseludup masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan di negara ini," katanya, menambah kes disiasat mengikut Seksyen 60 (1)(a) Akta Perhilitan 1972 dan Seksyen 68 (1)(a) akta sama. - ©BERNAMA

## Kurang kreatif punca NSFC gagal raih kemenangan di Paroi

**SEREMBAN**, 25 April. - Pengendali Negeri Sembilan FC (NSFC) K. Devan menyifatkan anak buahnya kurang kreatif dalam memanfaatkan peluang, menyebabkan mereka hanya mampu seri 1-1 dengan Sarawak United dalam aksi Liga Premier di laman sendiri malam tadi.

Devan berkata NSFC terlepas empat peluang terbaik untuk menjaringkan gol pada separuh masa pertama yang mungkin menghasilkan keputusan berbeza jika peluang terhidang itu dimanfaatkan sepenuhnya.

"Jika kita dapat jaringkan satu atau dua gol pada separuh masa pertama berkemungkinan besar peluang untuk kita menang pada malam tadi amat baik," katanya kepada pemberita selepas perlawanan di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi.

Beliau juga mengakui keputusan mengeluarkan seorang pemain pertahanan dan digantikan dengan Muhammad Ferris Danial Mat Nasir bagi memantapkan bahagian serangan tidak banyak memberi kesan pada rentak permainan walaupun pasukan berhasil menjaringkan gol penyamaan menerusi sepakan percuma pada babak kedua perlawanan.

Di sebalik keputusan itu, Negeri Sembilan masih menguasai liga dengan 18 mata selepas sembilan perlawanan setakat ini, diikuti Sarawak United yang mengumpul 17 mata namun mempunyai kelebihan satu lagi perlawanan, sementara Kelantan United di tangga ketiga dengan 16 mata. - ©BERNAMA

## Jadual Cub Prix Malaysia mungkin terjejas jika kes COVID-19 meningkat

**SEPANG**, 25 April. - Persatuan Sukan Bermotor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PSBWPKL) bimbang Kejuaraan Cub Prix Malaysia pusingan ketiga yang dijadual berlangsung pada 22 hingga 23 Mei ini akan terjejas sekiranya kes COVID-19 di negara ini terus meningkat.

Presidennya, Shahrol Yuzy Ahmad Zaini berkata selain itu, jika kes jangkitan terus menunjukkan peningkatan, ia juga mungkin menjejaskan penganjuran pusingan-pusingan seterusnya dengan yang terakhir dijadual pada Disember nanti.

"Apa pun saya dan pihak PSBWPKL agak lega kerana dua pusingan perlumbaan Cub Prix di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) telah pun berlangsung pada 20 hingga 21 Mac dan 3 hingga 4 April lepas," katanya pada majlis berbuka puasa PSBWPKL di Paddock Chalet, SIC di sini, malam tadi.

Tujuh lagi pusingan Cub Prix yang dijadualkan adalah pusingan keempat pada 26 hingga 27 Jun, pusingan kelima (9 hingga 10
Julai), pusingan keenam (7 hingga 8 Ogos), pusingan ketujuh (4 hingga 5 September), pusingan kelapan (9 hingga 10 Oktober), pusingan kesembilan (13 hingga 14 November) dan pusingan terakhir pada 18 hingga 19 Disember.

Selain itu, Shahrol Yuzy berkata PSBWPKL akan menganjurkan dua pusingan pertama Kejuaraan Motosikal Asia (ARRC) pada Jun ini di SIC.

"Pelumba dari pelbagai negara seluruh Asia akan datang ke Malaysia kerana kerajaan telah membenarkan 'bubble sport race' tetapi kami tetap risau jika kes terus meningkat acara ini akan terjejas," katanya.

Sehubungan itu, Shahrol Yuzy berharap rakyat Malaysia dapat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19 agar semua kejohanan sukan di Malaysia dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. - ©BERNAMA

## Kembalinya Frank Bernhardt ke UiTM dialu-alukan

**SHAH ALAM**, 25 April. - Ketua Jurulatih UiTM FC Mohd Reduan Abdullah akur dan mengalu-alukan Frank Bernhardt untuk kembali memimpin skuad The Lion Troops, jika benar pihak pengurusan memutuskan untuk meneruskan khidmat jurulatih dari Jerman itu.

"Saya sebagai jurulatih interim sahaja, kalau Frank balik (semula ke UiTM) kita akur dengan keputusan yang dilakukan oleh pihak pengurusan.

"Mungkin kembalinya semula beliau, ada nafas-nafas baharu yang boleh dikongsi pada kita, kita alu-alukan," katanya pada sidang media selepas perlawanan UiTM FC menentang PJ City FC, semalam.

Jaringan tunggal M Tamilmaran pada minit ke-81 meletakkan PJ City FC sebagai pemenang sekali gus meranapkan harapan pasukan UiTM FC untuk mengutip tiga mata penuh malam tadi.

UiTM FC kini menghuni tangga tercorot Liga Super berikutan kekalahan semalam dan dijadual bertandang ke Kuantan, Pahang berdepan Sri Pahang FC pada perlawanan berikutnya.

Sebelum ini, jurulatih kelahiran Jerman berusia 51 tahun itu dilaporkan telah direhatkan susulan prestasi buruk pasukan UiTM FC yang gagal mencatat kemenangan setelah mengharungi tujuh perlawanan dan hanya mampu mengutip satu mata hasil keputusan seri ketika menentang Penang FC.

Sebagai rekod, Bernhardt yang juga bekas jurulatih Bawah 22 tahun (B-22) negara dilantik sebagai pengendali UiTM FC awal tahun lepas dan berjaya mengemudi pasukan menghuni kedudukan keenam Liga Super 2020.

Pencapaian itu boleh dianggap membanggakan pada penampilan pertama mereka dalam kancah Liga Super apabila menepis andaian yang mereka bakal menjadi pasukan 'lauk' pada musim lepas, namun kecemerlangan itu tidak dapat diteruskan pada musim ini apabila mereka bergelut selepas hanya berjaya mengutip satu mata dan meledak tiga gol dalam tujuh perlawanan. - ©BERNAMA

## Pemandu bas persiaran kini berniaga kuih demi kelangsungan hidup

**NIBONG TEBAL**, 25 April. - Penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak lebih setahun lalu memaksa pengusaha dan pemandu bas di negeri ini melakukan pelbagai pekerjaan untuk memastikan dapur mereka berasap.

Antaranya ialah pemandu bas persiaran Mohd Faiz Yusuf, 29, yang kini membantu isteri berniaga kuih-muih secara kecil-kecilan di tepi jalan berdekatan kediaman mereka.

"Saya telah memandu bas selama lima tahun, namun sekarang ini apa sahaja kerja yang kami boleh buat, kami buat demi sesuap nasi. Sekarang memang bas tidak berjalan (beroperasi) langsung, setiap hari saya cuma panaskan enjin bas.

"Saya dan isteri mula berniaga kuih-muih di waktu pagi, sekarang di bulan Ramadan, kami ambil kesempatan berniaga di bazar," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima bantuan daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) hari ini.

Menurutnya masih ramai pemandu bas yang senasib dengannya, baik bas kilang mahupun bas sekolah.

Dalam pada itu, Pengarah Yadim Pulau Pinang Mohd Afifi Ruslan berkata pihaknya menerima surat daripada Gabungan Pengusaha Bas Persiaran Zon Utara yang memohon bantuan demi meringankan beban para pengusaha dan pemandu bas.

Katanya sumbangan barang-barang keperluan asas itu disampaikan dalam tiga sesi iaitu pada hari ini dan seterusnya pada 2 dan 5 Mei depan bagi mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"Kita memberikan bantuan kepada 100 orang penerima. Pada hari ini, cuma 30 orang sahaja yang menerima bantuan manakala selebihnya akan menerima bantuan pada sesi-sesi berikutnya," katanya. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# 'ZON CONTOH KARBON RENDAH' ANTARA USAHA CHINA HADAPI PERUBAHAN IKLIM GLOBAL

**BEIJING**, 24 April. - Ucapan Presiden Xi Jinping mengenai kerjasama China dengan Asia Tenggara berhubung zon contoh karbon rendah pada Sidang Kemuncak Pemimpin mengenai Iklim anjuran Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat disifatkan sebagai 'meluaskan mata pandangan'.

Melalui beberapa hasil carian, penulis dapati program pembinaan bersama zon contoh karbon rendah di Kemboja telah dimeterai pada November tahun 2019.

Menurut program itu, China menyediakan kemudahan termasuk lampu jalan menggunakan tenaga solar, penjana kuasa tenaga solar, motosikal elektrik dan kemudahan pemantauan alam sekitar, selain menyediakan kursus untuk tenaga profesional dari Kemboja dalam usaha membantu negara itu menggariskan pelan pembangunan serta meningkatkan kemampuan menghadapi perubahan iklim.

Penulis mendapati terdapat perubahan cara hidup serta pembinaan infrastruktur karbon rendah di Zon Contoh Karbon Rendah Saysettha di Laos melalui promosi pengangkutan hijau.

Pada masa sama, pertukaran teknologi dan maklumat juga digalakkan bagi meningkatkan kemampuan dan kesedaran rakyat tempatan untuk menjana pembangunan karbon rendah di negara itu.

Selain itu, Taman Perindustrian China-Malaysia di Qinzhou (CMQIP) pula menetapkan sasaran baharu yang berorientasikan karbon rendah, malah sudah menjadi pangkalan bagi banyak syarikat tenaga baharu.

Kesemua ini mencerminkan usaha China untuk mengotakan janji yang dibuat dalam Persidangan Iklim Paris pada 2015 iaitu membangunkan 10 zon contoh karbon rendah di luar negara, walaupun bukan semua program kerjasama tersebut mendapat sokongan penuh dari China.

Selain itu, China juga berjanji untuk menyediakan 100 program bagi menangani perubahan iklim di dunia dan melatih 1,000 tenaga profesional di luar negara dalam bidang tersebut.

Usaha China ini menandakan bahawa sokongan negara Tembok Besar terhadap Perjanjian Paris bukan sekadar omong kosong malah ia diterjemahkan menerusi pelbagai jenis program.

China yang belum berkembang menjadi negara maju, masih menghadapi beraneka ragam masalah dalam pembangunan ekonomi domestik, seperti pencemaran udara.

Bagaimanapun, tetap gigih mengotakan janji menjadikan 'pelepasan karbon' mencapai puncaknya menjelang 2030 dan 'neutral karbon', menjelang 2060.

Sasaran China untuk mewujudkan 'neutral karbon' setelah pelepasan karbon mencapai puncaknya, untuk tempoh 30 tahun sebenarnya adalah jauh lebih pendek berbanding masa diperuntukkan kebanyakan negara maju yang lain. Sudah tentu ia menerima sokongan padu kerajaan China, termasuk peruntukan kewangan luar biasa serta penggunaan teknologi canggih.

Bukan itu sahaja, malah China bersedia untuk berkongsi pengalaman dengan negara membangun dan menyokong usaha mereka dalam mengurangkan pelepasan karbon.

Bagi negara membangun seperti Kemboja dan Laos, pembangunan dilihat sebagai tugas utama, manakala pengurangan pelepasan karbon menjadi tanggungjawab umum di persada antarabangsa.

Bagaimanapun, sokongan negara maju amat diperlukan untuk membantu negara membangun yang masih jauh ketinggalan dalam pembangunan industri hijau.

Bantuan kewangan dan teknikal dari negara maju dapat membantu mengatasi kelemahan, dan membolehkan kemajuan teknologi hijau digunakan dalam pembangunan tempatan.

Penubuhan sebahagian Zon Contoh Karbon Rendah tajaan China di Asia Tenggara mencerminkan negara Tembok Besar ini sudi memikul tanggungjawab, membantu dan memudahkan negara membangun memperjuangkan matlamat mengurangkan pelepasan karbon.

Kalau melihat dari segi jumlah keseluruhan pelepasan karbon dalam sejarah silam, AS dan Eropah menduduki tangga pertama dan kedua, jauh lebih banyak berbanding China.

Satu fakta yang perlu ditegaskan ialah pelepasan karbon berkurangan di negara Barat sejak akhir-akhir ini, kerana kebanyakan barangan keperluan harian kini diimport dari negara membangun.

Ini bermakna pengeluaran industri merupakan punca utama pelepasan karbon kerana kebanyakan sumber di dunia dinikmati segelintir populasi dari negara maju, sedangkan akibat dipertanggungjawabkan kepada negara membangun.

Lebih parah mereka turut mendakwa negara membangun perlu memikul tanggungjawab utama berlakunya perubahan iklim global.

Tetapi, China menegaskan ia merupakan tanggungjawab umum yang berbeza.

Masalah pelepasan karbon yang mengakibatkan perubahan iklim global ini patut dipikul bersama-sama oleh semua negara, terutamanya pihak Barat.

Negara membangun perlu berusaha mengurangkan pelepasan karbon bagi menyempurnakan komuniti simbiosis antara manusia dengan alam, dan usaha ini patut disokong serta dibantu negara maju. - ©BERNAMA

# Semua kru kapal selam KRI Nanggala 402 terkorban - Panglima TNI

**JAKARTA**, 25 April. - Panglima Tentera Indonesia (TNI) Hadi Tjahjanto hari ini mengumumkan semua kru kapal selam KRI Nanggala-402 telah terkorban.

"Seramai 53 personnel yang onboard KRI Nanggala-402 telah gugur, berdasarkan bukti-bukti "authentic" itu, dapat dinyatakan bahawa KRI Nanggala 402 telah tenggelam," katanya dalam sidang akhbar yang disiarkan secara langsung menerusi siaran televisyen tempatan.

Menurutnya berdasarkan visual dari "Remotely Operated Underwater Vehicle" yang digunakan dalam pencarian kapal itu, telah terakam keadaan kapal berkenaan yang telah "terbelah menjadi tiga bahagian" di kedalaman 838 meter di dasar laut di perairan Bali.

KRI Nanggala 402 dilaporkan terputus hubungan pada pukul 4.25 pagi Rabu lepas ketika dalam misi latihan penembakan torpedo, yang turut disertai 21 kapal TNI yang lain bersama lima pesawat tempur serta satu lagi kapal selam yang lain. - ©BERNAMA

# 498,504 individu lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19 setakat semalam

**KUALA LUMPUR**, 25 April. - Sebanyak 498,504 individu sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan setakat semalam, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata bagi tempoh sama, seramai 791,910 individu telah menerima dos pertama menjadikan keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara ini berjumlah 1,290,414 dos.

Menerusi satu infografik yang dikongsikan melalui laman Twitter rasminya hari ini, Dr Adham berkata lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 103,615, diikuti Kuala Lumpur (87,609), Sarawak (78,936), Johor (71,736) dan Sabah (66,448).

Lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin COVID-19 tertinggi setakat ini pula ialah Selangor dengan 70,512, diikuti Sarawak (50,448), Perak (49,995), Sabah (45, 602) dan Kuala Lumpur (44,379).

Menurut Dr Adham, setakat semalam, hanya 38.1 peratus atau 9,250,441 daripada golongan sasaran telah mendaftar untuk menerima suntikan vaksin itu dengan Selangor kekal mencatat jumlah pendaftaran tertinggi iaitu 2,411,498 pendaftaran atau 49.8 peratus.

Mengikut perancangan program imunisasi berkenaan, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin yang bermula Februari hingga bulan ini melibatkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua bermula pada April hingga Ogos depan pula membabitkan 9.4 juta warga emas, kumpulan rentan dan Orang Kurang Upaya, manakala fasa ketiga yang dijadualkan dari Mei hingga Februari 2022, melibatkan individu 18 tahun dan ke atas, warganegara dan bukan warganegara, dengan sasaran 13.7 juta orang atau lebih. - ©BERNAMA

# Lapan daerah di Sabah diisytiharkan kawasan wabak ASF

**KOTA KINABALU**, 24 April. - Lapan daerah iaitu Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod disytiharkan sebagai kawasan penularan Demam Babi Afrika (ASF) di Sabah, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kitingan, yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah berkata jangkitan virus ASF yang menyerang ternakan babi dan babi hutan itu turut dikesan di Tawau dan Nabawan, namun kedua-dua daerah ini belum diisytiharkan sebagai kawasan wabak.

Beliau berkata setakat 18 April lepas, sejumlah 398 babi telah dilupuskan sementara 535 ekor lagi mati disebabkan ASF.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS) telah menjalankan 234 kempen kesedaran di 14 daerah, yang bukan sahaja untuk mendidik masyarakat tentang penyakit ini, tetapi juga menunjukkan usaha kerajaan dalam memastikan wabak ini tidak menular ke daerah lain.

"Walaupun Sandakan telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak ASF, namun wabak ini belum lagi merebak ke ladang pengeluaran babi utama di daerah itu. Virus ASF ini hanya membawa maut kepada babi, namun ia tidak berbahaya kepada manusia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kitingan berkata, JPVS telah melaksanakan peraturan baharu untuk melindungi babi komersial, termasuk mendapatkan permit khas daripada jabatan itu untuk membolehkan babi hidup dan produk babi dipindahkan dari satu kawasan ke kawasan lain.

"Gerai menjual daging babi yang dijangkiti virus ASF akan ditutup sehari untuk melaksanakan kerja-kerja kontaminasi dan pembersihan, manakala produk daging babi hanya akan dijual setelah disaring dan didapati bebas daripada virus ASF.

"Penternakan babi yang disyaki menjadi punca babi dijangkiti ASF pula akan dikuarantin sehingga tujuh hari untuk membantu siasatan," katanya. - ©BERNAMA

# Polis tahan reman lelaki hantar surat mengecam Masjid Jamek Bahau

**SEREMBAN**, 24 April. - Seorang lelaki direman empat hari hingga Selasa ini bagi membantu siasatan kes surat layang berunsur kecaman yang ditujukan kepada Masjid Jamek Bahau serta menghina orang Melayu yang kemudian ditularkan menerusi media sosial baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt. Hoo Chang Hook berkata lelaki berusia 56 tahun itu ditahan di rumahnya di Taman ACBE di sini pada 10.10 malam tadi oleh sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol.

"Polis turut merampas beberapa helai kertas dan sampul surat yang disimpan di dalam kabinet dapur di rumah itu yang dipercayai mempunyai kaitan dalam kes surat kecaman terhadap Masjid Jamek Bahau dan menghina Melayu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Hoo berkata berdasarkan siasatan, lelaki itu diberhentikan kerja oleh majikannya iaitu sebuah kopitiam di Bahau, kerana masalah disiplin selain sering memarahi pelanggan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 505(b) dan Seksyen 298A Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. - ©BERNAMA

# BERKONGSI PEMBELAJARAN, PEMELIHARAAN BAHAN SEJARAH

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**SEKITAR Program Sejarah Dalam Bulan Ramadan @ penBORNEO 2021 yang merupakan program yang julung kali diadakan oleh Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO), Pusat Sejarah Brunei (PSB) yang diadakan di penBORNEO, PSB di Blok 31, Bangunan Flat Kerajaan Anggerek Desa (kiri dan kanan).**

**BERAKAS,** Sabtu, 24 April. - Program Sejarah Dalam Bulan Ramadan @ penBORNEO 2021 merupakan program yang julung kali diadakan oleh Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO), Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ia adalah bagi mempelawa guru-guru Social Studies dan ahli-ahli pustakawan sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta untuk sama-sama menimba ilmu, menambah pengalaman dan mencari ilham dengan mengikuti dua komponen aktiviti sejarah yang boleh membantu meningkatkan ilmu pengetahuan mereka tentang sejarah Brunei dan Borneo serta kepentingan pemeliharaan bahan rekod sejarah.

Sehubungan itu, seramai 15 peserta terdiri daripada pustakawan sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta menyertai Program Sejarah Dalam Bulan Ramadan @ penBORNEO 2021 yang diadakan di penBORNEO, PSB di Blok 31, Bangunan Flat Kerajaan Anggerek Desa.

Ketua Unit Pemeliharaan dan Penjilidan, Awang Muhammad Hefni bin Mahari dalam ucapan alu-aluannya antara lain melahirkan harapan agar ilmu yang dipelajari akan dapat dipraktikkan dalam melaksanakan sendiri kerja pemeliharaan rekod kertas tanpa melibatkan kos yang besar.

Selain itu juga tambahnya, memperoleh pengetahuan secara asas untuk memelihara dokumen atau rekod kertas yang terdapat dalam simpanan para pustakawan masing-masing dengan lebih baik dan berkesan serta dapat memupuk semangat pemeliharaan rekod kertas.

Dalam sesi taklimat mengenai Asas Pemeliharaan Rekod Kertas, Awang Muhammad Hefni antara lain mengongsikan fungsi Unit Pemeliharaan dan Unit Penjilidan, dan kaedah-kaedah pemeliharaan, pemuliharaan dan penjilidan.

Turut dikongsikan ialah keperluan untuk memelihara rekod-rekod kerana ia mempunyai nilai sejarah dan merupakan warisan negara, di samping menjadi bahan bukti yang penting bagi sumber rujukan kerajaan, penyelidikan dan generasi yang akan datang.

Rekod yang tidak dipelihara tambahnya, akan mudah terdedah kepada agen perosak dan boleh membawa kerugian yang besar kepada negara.

Para peserta program juga mengadakan Sesi Praktikal Pembersihan Rekod dan Penjilidan.

Program tersebut dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi yang melibatkan para pustakawan, sementara pada sesi petang pula melibatkan guru-guru Social Studies.

Melalui Program Sejarah Dalam Bulan Ramadan @ penBORNEO 2021 itu, ia akan meningkatkan kreativiti pengajaran, pembelajaran dan pemeliharaan bahan sejarah.

Antara objektif program berkenaan ialah untuk mengongsikan koleksi bahan yang terdapat di Pusat Pengkajian Borneo untuk keperluan pembelajaran dan pengajaran sejarah, di samping mendedahkan ilmu pengetahuan kepada para pustakawan tentang asas pemeliharaan rekod supaya bahan rekod terpelihara dari semasa ke semasa.

# Didik masyarakat pelajari tafsir Al-Quran secara intensif



**KULIAH Tafsir Al-Quran disampaikan oleh Penolong Profesor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Sarinah binti Haji Yahya (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 April. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melaksanakan Program Siri Tafsir Al-Quran 4.0 bagi menghidupkan lagi bulan Ramadan sebagai bulan Al-Quran.

Kuliah Tafsir Al-Quran yang bertajuk 'Menelesuri Makna Syahadah Laa ilaha illallah' daripada petikan Surah Muhammad, ayat 16 hingga 19 disampaikan oleh Penolong Profesor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Sarinah binti Haji Yahya.

Kuliah diadakan di PDI dan bersiaran secara langsung melalui aplikasi media sosial Instagram rasmi Belia Da'ie.

Program tersebut diharapkan agar dapat mendidik masyarakat mempelajari bidang tafsir Al-Quran secara intensif serta mendalami dan memahami makna-makna yang terkandung dalam Al-Quran.

Selain itu, program juga merupakan program susulan bagi alumni Akademi Da'wah, khususnya untuk memantapkan lagi kefahaman dan amalan terhadap Al-Quranul Karim.

Antara pengisian yang disampaikan ialah untuk memperbanyakkan melafaz zikir 'La ilaha illallah' dan terus beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan ilmu agar kita memahami kalimah 'La ilaha illallah' sehingga melahirkan rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Seramai 85 orang yang terdiri daripada kalangan para Asatizah NBD, pegawai-pegawai kerajaan, pesara kerajaan, para belia termasuk NGO luar, mahasiswi dari Pattani yang menuntut di UNISSA, alumni-alumni Akademi Da'wah, pelajar sekolah dan juga persendirian menghadiri dan mengikuti secara langsung program tersebut.

Program tersebut bakal diteruskan lagi pada Rabu, 5 Mei 2021 bersama penceramah jemputan yang lain. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir atau boleh juga mengikuti Instagram rasmi Belia Da'ie *@beliadaie*.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**PUASA ADALAH PERISAI DARI AZAB API NERAKA**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam